**KN jelas isu Rumah Hijau** MS 3

**Usahasama PDC, Temasek & EDIS bangun BPO** MS 19



**MPSP komited tingkat perkhidmatan** MS 24



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 OGOS 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Jelas status sebenar TP1M, permohonan rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menjelaskan status sebenar Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) memandangkan perkara tersebut tidak dinyatakan dalam perbentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) baru-baru ini.

Jagdeep berkata, pada 21 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah mengumumkan bahawa pembekalan perumahan mampu milik, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) akan diteruskan, namun tidak menyebut mengenai program penyelenggaraan projek perumahan, TP1M.

"Adakah program TP1M ini masih diteruskan? Jika tidak, apa akan berlaku pada permohonan yang sedang menunggu kelulusan peruntukan TP1M?

"Mereka (pemohon) ini memerlukan dana untuk membaik pulih dan menyelenggara bangunan kediaman mereka," tegasnya pada Majlis Penyerahan Cek Sumbangan Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Sejumlah 10 projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah menerima sumbangan bagi Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang atau *Housing Assistance Program for Penang, Yes!* (HAPPY!) dengan dana berjumlah RM1,705,155.50 pada majlis berkenaan.

Menurut Jagdeep, bagi Pulau Pinang sahaja, sejumlah 144 permohonan TP1M telah dibuat. Daripada jumlah tersebut, hanya 26 sahaja diluluskan sehingga kini dan baki 118 permohonan lagi dengan anggaran dana diperlukan sebanyak RM28 juta masih belum diluluskan.

"Di bawah TP1M, Putrajaya (Kerajaan Persekutuan) akan menanggung 90 peratus dari kos penyelenggaraan perumahan awam kos rendah, manakala 70 peratus bagi perumahan kos sederhana rendah sekiranya permohonan dipohon berjaya.

"Kos-kos ini termasuk menyelenggara lif, pembaikan am seperti bumbung dan tangki air, mengecat semula bangunan kediaman dan penaiktarafan sistem pendawaian elektrik, perpaipan serta perparitan," ujar beliau.

Jagdeep memberitahu bahawa beliau telah menulis surat secara rasmi kepada Datuk Ahmad Zaki Ansore Mohd. Yusof , Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri dan berharap dapat memberi maklum balas yang positif.

"Kami (Kerajaan Negeri) sedia setiap masa untuk sama-sama membantu menyediakan dana tambahan penyelenggaraan bagi baki 10 peratus (bagi kos rendah) dan 30 peratus (kos sederhana rendah) lagi," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa, pada tahun 2013, sejumlah RM54,466.10 telah diberikan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) Taman Sungai Batu, Bayan Lepas di Daerah Barat Daya (DBD) dan Perbadanan Pengurusan (MC) Flat Haji Mohd. Amin, Permatang Pauh di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

"Manakala pada 2014, sejumlah RM2.412 juta dibelanjakan, melibatkan 12 projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah di bawah HAPPY!

"Tahun ini, kita membelanjakan RM2.092 juta melibatkan 11 projek perumahan" katanya.

Berikut adalah senarai penerima sumbangan HAPPY! bagi tahun 2015:-

| Bil. | Projek Perumahan Terlibat | Jenis | Jumlah Sumbangan HAPPY! Diterima |
|---|---|---|---|
| 1 | Perbadanan Pengurusan (MC) Blok O-T Apartmen Permata, Bandar Perda, SPT | Kos Rendah | RM122,800.00 |
| 2 | Perbadanan Pengurusan (MC) Blok A-N Apartmen Permata, Bandar Perda, SPT | Kos Rendah | RM239,000.00 |
| 3 | Badan Pengurusan (MC) Pangsapuri Taman Sri Janggus, Alma, SPT | Kos Rendah | RM138,150.00 |
| 4 | Perbadanan Pengurusan (MC) Blok A, B & C Taman Bukit Jambul, daerah Timur Laut (DTL) | Kos Rendah | RM163,600.00 |
| 5 | Badan Pengurusan Bersama (JMB) Mutiara Perdana 1, Bayan Lepas, DBD | Kos Rendah | RM124,500.00 |
| 6 | Perbadanan Pengurusan (MC) Desa Sri Ara, Bayan Lepas, DBD | Kos Rendah | RM27.555.50 |
| 7 | Perbadanan Pengurusan (MC) Taman Tun Hussein Onn, Seberang Jaya, SPT (Fasa 1) | Kos Rendah | RM277,250.00 |
| 8 | Perbadanan Pengurusan (MC) Taman Pauh Indah (Fasa 2), Permatang Pauh, SPT | Kos Sederhana Rendah | RM93,000.00 |
| 9 | Perbadanan Pengurusan (MC) Taman Pauh Indah (Fasa 4), Permatang Pauh, SPT | Kos Sederhana Rendah | RM253,800.00 |
| 10 | Badan Pengurusan Bersama (JMB) Tingkat Nusantara, Jelutong, DTL | Kos Sederhana Rendah | RM265,500.00 |
| 11 | Perbadanan Pengurusan (MC) Taman Desa Genting, Balik Pulau, DBD | Kos Sederhana Rendah | RM387,000.00 |



**SEBAHAGIAN wakil MC dan JMB projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah masing-masing menunjukkan cek sumbangan yang diterima pada Majlis Penyerahan Cek Sumbangan HAPPY! di sini baru-baru ini.**

# Indeks jenayah Daerah Timur Laut menurun - KPD



KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan cek sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada Mior Faridalathrash Wahid (dua dari kanan) sambil diperhatikan Mardzuki Muhammad (kanan sekali) pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Ketua Polis Daerah (KPD) Timur Laut, Asisten Komisioner (ACP), Mior Faridalathrash Wahid memberitahu, sehingga 8 Julai tahun ini menyaksikan indeks jenayah Daerah Timur Laut umpamanya menurun sehingga 26.1 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lepas.

"Kadar jenayah di Pulau Pinang sekarang dalam trend menurun.

"Untuk Daerah Timur Laut, sehingga 8 Julai (2015) jika dibandingkan dengan tempoh sama (tahun 2014), menurun sebanyak 26.1 peratus," jelas beliau pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Mior Faridalathrash selaku wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan wakil Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Panglima Markas Briged Keenam, Brigedier Jeneral Mardzuki Muhammad dari Kem Sungai Layar, Sungai Petani masing-masing hadir bagi menerima sumbangan Aidilfitri berjumlah RM10,000 daripada Kerajaan Negeri, yang disampaikan oleh Guan Eng sendiri.

Mior Faridalathrash dan Mardzuki masing-masing merakam penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) dan Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) turut menyaksikan majlis sumbangan itu.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri meneruskan tradisi memberi sumbangan kepada PDRM dan ATM sebagai menghargai pengorbanan pasukan berkaitan dalam memastikan tanah air terus aman dan selamat.

"Ini sebagai satu penghargaan atas pengorbanan mereka, maka pada tahun inipun kita (Kerajaan Negeri) teruskan tradisi (memberi sumbangan Aidilfitri kepada PDRM dan ATM) ini," jelas beliau.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng pada bulan Januari lepas turut merakamkan penghargaan kepada Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Abdul Rahim Hanaf kerana berjaya menurunkan indeks jenayah negeri bagi tahun 2014 sebanyak 5.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.

# *Transformers* 'mendarat' di 'bumi' kebebasan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PADANG KOTA** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyifatkan bahawa watak animasi popular filem Hollywood, *Transformers* telah datang ke tempat yang tepat iaitu 'tanah kebebasan'.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan Pameran Awam Transformers Pertama di Asia Tenggara sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.




"Tugas *Transformers* adalah mempertahankan kebebasan, maka hari ini kita dapat lihat, mereka 'turun' di negeri yang juga dan turut mempertahankan kebebasan.

"Diharap pameran ini dapat menyerikan suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Ini kerana, model-model *Transformers* ini akan berada di sini (Padang Kota Lama) sehingga 17 September," katanya dengan penuh semangat.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Exco Belia & Sukan, Pembanguan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer.

Penganjuran tersebut turut dijayakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), *Penang Global Tourism* (PGT), *Hasbro*, i2 Promotions Sdn. Bhd. dan institusi pendidikan, *The One Academy*.

Menurut Guan Eng, perbelanjaan membawa model-model Transformers iaitu, *Optimus Prime* dan *Bumble Bee* adalah bernilai RM1.1 juta dan pameran tersebut adalah diadakan secara percuma untuk tatapan umum.



SEKUMPULAN kanak-kanak bergambar kenangan dengan *Optimus Prime* sempena Pameran Awam *Transformers* Pertama di Asia Tenggara di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini. (*Gambar: MBPP*).

"Dengan situasi ekonomi yang tidak menentu seperti pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), kejatuhan nilai mata wang, kenaikan harga barang dan bermacam-macam lagi, Kerajaan Negeri mengambil kesempatan untuk 'menolong' rakyat dengan mengadakan pameran percuma seperti ini.

"Jadi ibu bapa tidak perlu untuk keluar bercuti di luar dan pelancong juga boleh datang menyaksikan dua ikon *Transformers* ini di Padang Kota Lama," ujar beliau.

Serentak itu, dalam majlis berasingan, Guan Eng turut menjemput orang ramai supaya memeriahkan pameran karya-karya lukisan yang dihasilkan para pelajar *The One Academy*.

Pameran Awam Transformers Pertama di Asia Tenggara dibuka dari 12 tengah hari hingga 12 tengah malam pada hari Isnin hingga Jumaat. Bagi hari Sabtu, Ahad dan cuti umum, ianya akan dibuka seawal 9 pagi hingga 12 malam.



SEBAHAGIAN karya yang dihasilkan.

# Atlet negeri cemerlang Sukan SEA peroleh insentif SKIMAS

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Seramai 13 atlet dari Pulau Pinang yang berjaya menyumbang 15 pingat emas kepada negara pada Kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Jun lalu menerima insentif keseluruhan berjumlah RM51,000 daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, ganjaran itu adalah sebagai menghargai sumbangan anak jati kelahiran Pulau Pinang yang berjaya mengharumkan nama Malaysia dan Pulau Pinang di persada antarabangsa.

"Mereka bukan sahaja berjaya mengharumkan nama negara, tetapi juga telah menjulang martabat serta nama Pulau Pinang sebagai negeri yang menghasilkan atlet-atlet berprestasi tinggi dan berwibawa," jelasnya pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

Penerjun akuatik negara, Ooi Tze Liang yang merangkul empat pingat emas menerima insentif sebanyak RM18,000, diikuti, RM9,000 untuk Thor Chuan Leong yang berjaya merangkul dua pingat emas dalam acara *Snooker & Billiard*.

Esther Cheah Mei Lan yang berjaya merangkul dua pingat emas dalam sukan *Tenpin Bowling* diberi insentif sebanyak RM4,500.

Atlet *Snooker & Billiard,* Moh Keen Hoo pula berjaya mendapat satu pingat emas dan diberi insentif sebanyak RM3,000.

Insentif sebanyak RM2,000 masing-masing diberikan kepada atlet Wushu, Anggie Cheah Ruey Shin, Chan Lu Yi (Wushu) dan Zulfadhli Ruslan (memanah).

Penerima lain, Andrian Ang Hsein Loon *(Tenping Bowling)*, Siti Noor Amarina Ruhani, Siti Rahmah Othman (choki wanita), G. Vanessa Raj (skuasy), Mohamad Syahid Mohd. Rosdi (regu lelaki sepak takraw), Muhammad Azwar Abdul Rahman (hoki berpasukan) dan Mohd. Adi Fadri Ab. Rahim (hoki berpasukan) masing-masing turut diberi insentif RM1,500.

Difahamkan, semua 13 atlet berkenaan menerima pembayaran insentif berbentuk wang di bawah Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS).

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada 15 atlet lain yang berjaya mendapat 17 pingat perak, serta 13 pingat gangsa oleh 22 atlet negara kelahiran negeri ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Datuk Frederick Tan Teck An dan Ahli Lembaga Pengarah MSNPP merangkap Setiausaha Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye turut menghadiri majlis pembayaran insentif atas kejayaan atlet-atlet yang berjaya mendapat pingat emas pada Sukan SEA yang berlangsung di Singapura pada 5 hingga 16 Jun lepas.



**SITI Noor Amarina Ruhani (kiri sekali) dan Siti Rahmah Othman (dua dari kiri) bergambar kenangan dengan barisan atlet yang turut menerima insentif SKIMAS pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Sementara itu, Siti Rahmah yang ditemui melahirkan penghargaan terhadap Kerajaan Negeri atas pemberian insentif tersebut.

"Alhamdulillah, saya anggap SKIMAS ini sebagai 'duit raya'," jelas bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian, Seberang Perai kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Nada yang sama turut diluahkan Siti Noor Amarina.

"Semestinya gembira dengan pencapaian ini, saya bertekad akan terus aktif dalam sukan hoki dan mungkin akan menabur bakti dalam bidang ini di Pulau Pinang jika mendapat peluang," jelas beliau yang telah bermain hoki sejak berusia 11 tahun.

## Isu Rumah Hijau, jangan main politik - Hon Wai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai, membidas tindakan sesetengah pihak yang cuba memainkan agenda politik berhubung isu penempatan semula penduduk di Rumah Hijau, Mak Mandin, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini.

Hon Wai berkata, isu tersebut (penempatan semula) telah lama berlanjutan sejak Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) menandatangani perjanjian penswastaan bagi membangunkan sebidang tanah di sini pada 24 Disember 2004 lalu.

Katanya, menurut perjanjian tersebut, pemaju akan membina satu blok rumah pangsa kos rendah dengan jumlah unit 304 di Ampang Jajar bagi membolehkan 288 keluarga terbabit berpindah.

"Rumah pangsa kos rendah di Ampang Jajar telah siap dibina pada Oktober 2009, di mana lebih 70 peratus penduduk telah berpindah ke rumah tersebut.

"Baki 64 buah rumah (di Mak Mandin) lagi enggan berpindah dan enggan menerima tawaran yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

"Oleh demikian, apabila kita (Kerajaan Negeri kini) mengambil alih tampuk pentadbiran, kita telah mengeluarkan dokumen penswastaan yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri BN dari Akta Rahsia Rasmi untuk disemak semula," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut sama, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Air, Kereta Api), Lim Hock Seng dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Tambah Hon Wai yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, perjanjian yang ditandatangani Kerajaan Negeri BN dahulu bersama-sama pihak pemaju dilakukan tanpa pengetahuan penduduk kerana dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

"Perjanjian tersebut telah menetapkan had siling RM25,000 untuk memiliki unit rumah di Ampang Jajar dan penduduk perlu menambah baki RM17,000 lagi bagi membolehkan mereka dipindah masuk.

"Tetapi, Kerajaan Negeri kini memberi tawaran baharu setelah meneliti semula dokumen perjanjian Kerajaan Negeri BN terdahulu, iaitu memberi satu unit rumah sebagai ganti rumah lama tanpa melibatkan apa-apa kos kewangan lain.

"Hentikan main isu politik tanpa mengetahui keseluruhan cerita. Kerajaan Negeri kini cuba memberi penyelesaian terbaik untuk semua pihak," bidasnya yang turut mendedahkan surat rasmi yang dikirimnya kepada Menteri Perumahan terdahulu semasa beliau menjawat jawatan Exco Perumahan tentang isu Rumah Hijau di sini.

Dalam pada itu, Hock Seng yang juga ADUN Bagan Jermal memberitahu, Kerajaan Negeri kini juga telah memberikan sejumlah RM2,000 kepada setiap keluarga yang menerima tawaran kediaman alternatif.

"RM1,000 untuk kos pemindahan dan RM1,000 lagi bagi membolehkan mereka memasang geriji pintu dan tetingkap di rumah baru masing-masing di Ampang Jajar, semua pemberian dan tawaran ini adalah demi kepentingan rakyat," ujar beliau.


**LIM Hock Seng (dua dari kiri) sambil ditemani Phee Boon Poh (kiri sekali) dan Wong Hon Wai (tiga dari kiri) menunjukkan pelan lokasi Rumah Hijau, Mak Mandin kepada pihak media pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Hock Seng memberitahu, dari 288 keluarga terlibat, 262 keluarga adalah layak mendapat tawaran 1:1 (satu unit rumah diganti dengan satu unit rumah, tanpa melibatkan apa-apa kos kewangan).

"Manakala 19 keluarga lain memilih untuk menerima pampasan tunai RM25,000 (seperti perjanjian terdahulu), baki tujuh keluarga lagi, mereka menyewa di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Walau bagaimanapun, dari 262 keluarga yang layak, 64 keluarga enggan berpindah mahupun menerima tawaran kediaman alternatif.

"Mereka (64 keluarga) ini dipercayai dihasut oleh 'persatuan penduduk' supaya tidak menerima tawaran tersebut walaupun pihak pemaju telah memulakan kerja-kerja menanam cerucuk di kawasan tersebut.

"Perkara yang dilaporkan dalam akhbar hari ini (6 Ogos 2015) menggambarkan seolah-olah Kerajaan Negeri kini bertindak kejam terhadap penduduk, walhal tindakan penguatkuasaan yang dilakukan sehari sebelum itu adalah untuk lima buah rumah sahaja yang didapati menghalang kemajuan pembangunan di kawasan tersebut.

"Dua dari rumah tersebut tidak dirobohkan kerana memberi peluang untuk penghuninya mengosongkan rumah sehingga Selasa (11 Ogos) hadapan," jelasnya.

Tambah beliau, sepatutnya mengikut notis terdahulu, tindakan penguatkuasaan perlu dijalankan pada 8 dan 9 Jun lalu, tetapi diberi tempoh sehingga 5 Ogos.

"Oleh itu, kami ingin membidas tindakan sesetengah individu yang cuba mengambil kesempatan memainkan isu politik dalam hal membabitkan kepentingan awam," tegasnya.

Lanjutan itu, Hock Seng menyatakan bahawa, Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk mengeluarkan satu notis tempoh pengosongan kediaman, enam bulan, bagi membolehkan penghuni berpindah ke kediaman alternatif yang ditawarkan.

*Sekitar Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri.*

# TYT terima 'kejutan' kek ulang tahun kelahiran

**SELAMAT ULANG TAHUN KELAHIRAN...** Kira-kira 2,000 tetamu hadir memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun. Dr. Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Malah, sempena ulang tahun kelahiran beliau yang ke-77 baru-baru ini, ahli jawatankuasa penganjur turut memberi 'kejutan' khas kepada Abdul Rahman dengan mempersembahkan sebiji kek penuh elegan berkrim putih dengan garis-garis keemasan.

Beliau yang hadir bersama-sama isteri, Toh Puan Majimor Shariff tampak berseri dengan baju Melayu tradisional berwarna ungu.

Turut sama meraikan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli-ahli DUN; Ahli-ahli Parlimen; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Farizan Darus, ketua-ketua jabatan dan lain-lain.



KETUA Menteri tunduk hormat dan berjabat tangan dengan Dr. Abdul Rahman Abbas (empat dari kiri) ketika hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri TYT di sini baru-baru ini.

# Rumah terbuka rai kemeriahan & kemenangan - TKMI



MOHD. Rashid Hasnon (bersongkok) menyampaikan sumbangan duit raya kepada para jemputan khas pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PANTAI JEREJAK** – Timbalan Ketua Menteri I yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon memberitahu, majlis rumah terbuka Aidilfitri adalah acara tradisi yang diteruskan bagi meraikan kemeriahan dan 'kemenangan' setelah sebulan berpuasa.

"Apabila diadakan rumah terbuka, kita boleh bertemu orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat, bermaaf-maafan di samping menikmati juadah hari raya yang lazat," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.



PARA hadirin menjamu selera.

Turut hadir memeriahkan majlis berkaitan, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff .

Turut hadir, Speaker DUN, Dato' Law Choo Kiang; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng.

Kira-kira 10,000 tetamu membanjiri majlis sambutan yang menghidangkan kepelbagaian makanan tradisi Pulau Pinang seperti nasi dalcha, char kuetiau, mi sotong, ais kacang, sate, kuih-muih dan lain-lain.

Turut diadakan adalah sumbangan duit raya kepada golongan kanak-kanak dan ahli-ahli Persatuan Tongkat Putih yang dijemput khas.

# Rumah terbuka medan erat silaturahim



DR. Wan Azizah Wan Ismail (kiri sekali) menyampaikan sumbangan duit raya kepada salah seorang kanak-kanak pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Permatang Pauh di sini baru-baru ini.

**ERAT SILATURAHIM...** Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Permatang Pauh menjadi medan mengeratkan silaturahim antara barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan rakyat pelbagai lapisan masyarakat di sini baru-baru ini.

Rata-rata 4,000 pengunjung yang membanjiri Pusat Khidmat Rakyat Jalan Permatang Pasir bukan hanya berpeluang menjamu pelbagai juadah yang disediakan, malah juga berpeluang beramah-mesra dengan Ahli Parlimennya, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Turut menyerikan majlis berkaitan, Menteri Besar Selangor, Datuk Mohamed Azmin Ali, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man, ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

*Sekitar Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri.*

# Rumah terbuka Setiausaha KN erat silaturahim penjawat awam PP

**MERIAH...** Kehadiran kira-kira 5,000 tetamu dari pelbagai lapisan masyarakat memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus di sini baru-baru ini.

Kehadiran Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff memeriahkan majlis yang diadakan di kediaman rasmi beliau di Jalan York di sini.

Malah, turut memeriahkan adalah kehadiran Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Tidak terkecuali, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli DUN, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ketua-ketua jabatan dan para penjawat awam.

Pada majlis tersebut, Farizan bersama isteri, Datin Seri Hamidah Mat Daud ceria menyambut kedatangan tetamu yang tidak putus bertandang.

Apa yang pasti, majlis tersebut menjadi medan pertemuan para penjawat awam dari seluruh negeri Pulau Pinang untuk mengeratkan lagi ikatan silaturahim sedia terjalin.



FARIZAN Darus (depan, kiri sekali) bersalaman menyambut ketibaan Majimor Shariff pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri beliau di sini baru-baru ini.



PARA tetamu yang hadir menjamu selera.



PARA penjawat awam merakam gambar kenangan.

# Rumah terbuka, amalan raikan tetamu & kenalan - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU MAUNG –** Lebih 3,000 hadirin memeriahkan majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan isteri, Datin Norazlina Md. Kharsa, di kediaman mereka di Jalan Jeliti di sini baru-baru ini.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ketika ditemui melahirkan rasa bersyukur atas kunjungan para tetamu yang memeriahkan majlis rumah terbuka yang diadakannya bersama isteri di sini.

"Saya gembira dengan sambutan yang diberikan dan amat menggalakkan budaya rumah terbuka seperti ini diteruskan bukan sahaja setiap kali sambutan perayaan, tetapi jadikan sebagai amalan meraikan tetamu dan kenalan.

"Alhamdulillah, sambutan tahun ini amat baik dan segalanya berjalan dengan lancar," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen antara kepimpinan negeri yang hadir pada majlis itu.

Turut sama, Betty Chew Gek Cheng, isteri kepada Ketua Menteri dan Konsul Jeneral Jepun, Ryuji Noda bersama isteri.

Pada majlis sama, Abdul Malik dan isteri turut menyumbangkan duit raya kepada kanak-kanak dan warga emas yang hadir.

Majlis yang serupa turut diadakan Abdul Malik di padang Bukit Gedung di sini dengan kehadiran lebih 2,000 tetamu dari pelbagai lapisan usia dan bangsa.

Sate, laksa, nasi beriani, ketupat palas, nasi himpit, kuah kacang, rendang dan kari ayam antara juadah istimewa yang disajikan pada majlis tersebut.



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan isteri memberi duit raya kepada golongan kanak-kanak yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Raya Aidilfitri ADUN Batu Maung di padang Bukit Gedung di sini baru-baru ini.



PARA tetamu menjamu juadah yang disajikan.

# Lebih 3,000 pengunjung meriahkan rumah terbuka Seberang Jaya



DR. Afif Bahardin (depan, bersongkok) bersalaman dengan kanak-kanak yang hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KADUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

**MERIAH...** Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya meriah dengan kehadiran lebih 3,000 hadirin di sini baru-baru ini.

Pada majlis berkaitan, Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dr. Afif Bahardin dan isteri, Dr. Mardhiah Zakaria menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak berusia bawah 12 tahun yang hadir pada majlis yang diadakan di Kampung Belah Dua, Permatang Pauh tersebut.

Turut hadir, ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen serta Ahli-ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Amir Md. Ghazali dan Mohd Sharmizan Mohamad Nor.

*Sekitar Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri.*

# KM ajak rakyat erat perpaduan, majukan ekonomi negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru semua rakyat Pulau Pinang yang majmuk supaya saling mengeratkan perpaduan ke arah memajukan lagi potensi ekonomi negeri.

Beliau berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

"Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang unik kerana di dalamnya terdapat pelbagai kepercayaan, kebudayaan dan keturunan.

"Namun begitu, kita masih mampu menyambut pelbagai perayaan masyarakat dan kaum di negeri ini memandangkan negeri yang ditadbir kini aman dan sejahtera.

"Di bulan Syawal inilah merupakan kesempatan terbaik sekali untuk saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan, seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara individu, jabatan dan juga agensi kerajaan serta masyarakat setempat," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff merupakan tetamu kenamaan paling utama pada majlis yang dihadiri lebih 2,000 pengunjung berkaitan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) turut berucap pada majlis terbabit.

Hadir sama, Exco-Exco Kerajaan Negeri bersama pasangan masing-masing, serta para ADUN dan Ahli Parlimen.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng sekali lagi menggesa Kerajaan Pusat supaya menangguhkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), yang didakwa mengakibatkan jualan para peniaga seperti di Bazar Chowrasta pada musim perayaan baru-baru ini turut turun mendadak berbanding tahun lepas.

Tambah Guan Eng, pentadbirannya turut dipaksa membayar GST kepada Kerajaan Pusat, sungguhpun Kerajaan Negeri hanya memajukan projek untuk kepentingan awam dan bukan berorientasi keuntungan perniagaan.

"Pelaksanaan GST menyaksikan penurunan ekonomi bukan sebanyak 20 peratus seperti yang dijangka, tetapi menurun kepada 40 peratus hingga 50 peratus betul-betul meninggalkan impak yang besar kepada rakyat.

"Keadaan menjadi bertambah teruk apabila mata wang ringgit turun mencecah paras terendahnya dalam tempoh sembilan tahun iaitu sebanyak 25 peratus.

"Kedua-dua MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) terpaksa menanggung RM16.3 juta yang sepatutnya dibayar oleh rakyat," tegas beliau.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan kerajaan Negeri bergambar kenang-kenangan pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

## Jangan terpengaruh dengan anasir rosak perpaduan - Rashid

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

**PANTAI JEREJAK** – Jemaah sekitar Surau An-Nur Lebuh Nipah, Sungai Nibong amat bertuah baru-baru ini kerana berpeluang menunaikan solat sunat Hari Raya Aidilfitri dan mendengar khutbah yang disampaikan sendiri Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon di sini.

Pada majlis tersebut, Mohd. Rashid yang hadir bersama-sama isteri, Datin Nor Azizah Haron menyarankan supaya umat Islam tidak terpengaruh dengan anasir-anasir bertujuan merosakkan perpaduan kaum yang sekian lama terjalin di sini.

"Kini, kita lihat banyak unsur-unsur daripada setengah pihak yang cuba menghancurkan kestabilan dan keamanan antara etnik-etnik di Malaysia dengan penyebaran fitnah serta tohmahan tidak berasas.

"Kita tidak perlukan suasana kacau bilau, di Pulau Pinang, alhamdulillah, kita mampu hidup dalam suasana aman dan tenteram di bawah sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat serta adil untuk semua," kata beliau pada khutbahnya di sini baru-baru ini.

Pada solat sunat tersebut, dianggarkan lebih 300 jemaah hadir menunaikan tanggungjawab sebagai umat Islam.



MOHD. Rashid (depan sekali) bersama-sama jemaah bertakbir pada solat sunat Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Selesai solat sunat Aidilfitri, para penduduk tidak melepaskan peluang bergambar kenangan dengan Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Pantai Jerejak.



BERSALAMAN dengan salah seorang kanak-kanak yang hadir.

## Lebih 3,000 hadiri rumah terbuka Aidilfitri

**MERIAH...** Lebih 3,000 tetamu hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran bersama Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain di Dewan Balora Mastika, Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail adalah antara tetamu jemputan kehormat yang hadir di samping beberapa pemimpin tempatan.

Pelbagai juadah enak disajikan antaranya ketupat, lemang, nasi himpit, rendang, kuah kacang, sate, laksa, nasi beriani dan durian.

Kanak-kanak yang hadir turut menerima duit raya sumbangan Halil Sabri dan Abdul Halim.



ABDUL Halim Hussain (berbaju Melayu biru) mengiringi ketibaan Dr. Wan Azizah Wan Ismail (depan, tengah) yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran bersama PPK Teluk Bahang dan Timbalan Yang di-Pertua MAINPP di sini baru-baru ini.



HALIL Sabri Hamid (dua dari kiri) dan PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail (empat dari kiri) bergambar kenangan dengan ahli-ahli jawatankuasa penganjur.

# Keutamaan KN sedia rumah mampu milik, sangkal laporan akhbar perdana



JAGDEEP Singh Deo diapit oleh Phee Boon Poh (kiri) dan Dr. T. Jayabalan (kanan) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** – Sejumlah 3,396 unit rumah mampu milik telah ditawarkan kepada pemohon yang layak sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun ini sekaligus menyangkal dakwaan sebuah artikel '*Cheaper homes out of reach*' yang disiarkan sebuah akhbar perdana berbahasa Inggeris pada 12 Julai lalu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, dakwaan yang dibuat menerusi akhbar berkenaan bukan sahaja tidak tepat, malah tidak adil kepada para pemohon yang layak.

"Dakwaan seperti itu tidak betul dan langsung tidak mencerminkan kedudukan sebenar Kerajaan Negeri yang selama ini memperjuangkan keutamaan menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang yang layak.

"Ia amat dikesali apabila media arus perdana yang dilabelkan sebagai 'akhbar rakyat' ini mencetak berita yang tidak betul dan tanpa berunding dengan mana-mana pihak berkaitan.

"Dapatkan fakta yang tepat dan bukannya melaporkan sesuatu yang tidak relevan," tegas Jagdeep pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC), Phee Boon Poh yang juga Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar dan Dr. T. Jayabalan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Batu Uban).

Jelas Jagdeep, artikel tersebut merujuk pada satu projek di Sungai Ara yang dibangunkan oleh pemaju, *Asia Green* iaitu Arasia Perdana *(The Clover)*.

Tambah beliau, laporan artikel tersebut melaporkan bahawa pemaju tersebut gagal mematuhi dasar perumahan ditetapkan Kerajaan Negeri iaitu dengan binaan hanya 699 hingga 728 kaki persegi dengan harga RM200,000 berbanding 750 kaki persegi sebagaimana ditetapkan Kerajaan Negeri.

"Artikel tersebut tidak berasas kerana kita (Kerajaan Negeri) sentiasa komited dalam memastikan jaminan kualiti tinggi mengikut garis panduan perumahan yang telah ditetapkan sejak Ogos 2014 termasuk kawalan saiz dan harga," ujarnya.

Tambah Jagdeep, Kerajaan Negeri telah menetapkan harga mengikut saiz iaitu 750 kaki persegi ditawarkan pada harga RM200,000, 850 kaki persegi (RM300,000) dan 900 kaki persegi (RM400,000) untuk unit di bahagian pulau.

"Bagi Seberang Perai, harga adalah bermula pada RM150,000 bagi 750 kaki persegi, 850 kaki persegi (RM200,000) dan 900 kaki persegi (RM250,000).

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga menetapkan pemohon yang belum pernah memiliki hartanah akan diberi keutamaan mengikut takat pendapatan iaitu jumlah pendapatan isi rumah sama ada RM6,000, RM8,000 atau RM10,000 bagi permohonan harga rumah RM200,000, RM300,000 dan RM400,000 masing-masing," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep berkata sejumlah 3,396 unit dari 4,837 unit rumah mampu milik kini telahpun ditawarkan kepada pemohon yang layak dan bakinya masih dalam proses pemilihan di bawah SPEC.

"Jelas, dakwaan tersebut bukan sahaja tidak betul dan tidak bertanggungjawab, tetapi juga tidak adil kepada pemohon yang layak di Pulau Pinang," tegas beliau sekali lagi.

# Tambah baik operasi BEST demi rakyat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Pelaksanaan caj nominal terhadap perkhidmatan '*Bridge Ekspress Shuttle Transit*' (BEST) Zon Perindustrian Bebas (FIZ) Bayan Lepas bermula 20 Julai lalu adalah bertujuan memperoleh komitmen berterusan daripada para pengguna dan pada masa sama mengoptimumkan penggunaan jumlah bas berhubung perkhidmatan berkaitan di sini.

Malah, ekoran keputusan kajian yang dijalankan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) yang mendapati penggunaan BEST FIZ adalah agak statik iaitu sekitar 600 hingga 800 pengguna dalam tempoh sehari, jumlah bas beroperasi bagi laluan berkaitan turut dikurangkan dari 13 buah kepada tujuh buah.

Dengan pengurangan tersebut, jumlah pengoperasian bas akan ditambah ke laluan-laluan lain yang lebih memerlukan. Antaranya, laluan BEST Komtar yang menghubungkan Seberang Perai ke Komtar melalui Kiosk Bertam (Seberang Perai Utara, SPU); Sunway Carnival (Seberang Perai Tengah, SPT) dan Jawi (Seberang Perai Selatan, SPS).

Pada masa sama, terdapat juga permintaan dari kawasan seperti Daerah Barat Daya seperti Batu Feringghi dan Tanjung Bunga.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, keputusan tersebut diputuskan menerusi mesyuarat yang berlangsung pada 17 Julai lalu dengan beberapa pihak berkaitan.



CHOW Kon Yeow.

"Caj nominal perkhidmatan BEST FIZ adalah bernilai RM50 bagi pas bulanan dan perjalanan sehala, RM3.

"Melalui pendekatan tersebut, ia dapat mengurangkan perbelanjaan operasi bulanan BEST FIZ yang mencecah RM154,800 sebulan dan pada masa sama, 'pengurangan' berkaitan dapat memenuhi permintaan laluan-laluan BEST yang lain.

"Contohnya, hasil penjimatan sekitar RM60,000 hingga RM720,000 sebulan hasil inisiatif yang dilaksanakan, kemungkinan (penjimatan) mampu digunakan untuk menambah bas bagi BEST Komtar yang mendapat permintaan lebih tinggi," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

BEST FIZ dilancarkan pada Mac 2011 dalam usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di samping membantu meringankan beban kos pengangkutan mereka yang menetap di Seberang Perai dan bekerja di bahagian pulau negeri ini.

Bagi maklumat lanjut, hubungi syarikat bas, Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) di talian 04 – 238 131 atau Bahagian Pengurusan Lalulintas Kerajaan Tempatan PSUK, 04 – 650 5257 atau layari, *www.rapidpenang.com.my* .

**JADUAL ASAL BEST FIZ A, B DAN C**

| BEST A | |
|---|---|
| PAGI | PETANG |
| 6:30 | 4:30 |
| 6:50 | 5:00 |
| 7:10 | 5:30 |
| 7:30 | 6:00 |
| 7:50 | 6:30 |
| | 7:10 |

| BEST B | |
|---|---|
| PAGI | PETANG |
| 6:30 | 4:30 |
| 6:50 | 5:00 |
| 7:10 | 5:30 |
| 7:30 | 6:00 |
| 7:50 | 6:30 |
| | 7:10 |

| BEST C | BEST C |
|---|---|
| PAGI | PETANG |
| 6:30 | 4:30 |
| 6:50 | 5:00 |
| 7:10 | 5:30 |
| 7:30 | 6:00 |
| 7:50 | 6:30 |
| | 7:10 |

**JADUAL BARU BEST FIZ :-**

| BEST A | |
|---|---|
| PAGI | PETANG |
| 6:30 | 4:45 |
| 6:50 | 5:15 |
| 7:15 | 5:45 |
| 7:50 | 7:10 |

| BEST B | |
|---|---|
| PAGI | PETANG |
| 6:30 | 4:45 |
| 6:50 | 5:15 |
| 7:15 | 5:45 |
| 7:50 | 7:10 |

| BEST C | BEST C |
|---|---|
| PAGI | PETANG |
| 6:30 | 4:45 |
| 6:50 | 5:15 |
| 7:15 | 5:45 |
| 7:50 | 7:10 |

**JADUAL ASAL FEEDER PERDA DAN JURU**

| FEEDER | |
|---|---|
| PAGI | PETANG |
| 6:30 | 5:20 |
| 6:50 | 5:50 |
| 7:10 | 6:20 |
| 7:30 | 6:50 |
| 7:50 | 7:20 |
| | 7:50 |
| | 8:20 |

**JADUAL BARU FEEDER PERDA DAN JURU**

| FEEDER | |
|---|---|
| PAGI | PETANG |
| 6:20 | 5:45 |
| 6:40 | 6:15 |
| 7:00 | 6:45 |
| 7:20 | 7:15 |
| | 8:00 |

**JADUAL masa baru perkhidmatan BEST FIZ berkuatkuasa 20 Julai 2015.**

# Parit monsun Taman Bagan harap kurang risiko banjir

Teks & Gambar: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN DALAM –** Lebih 2,000 keluarga khususnya di sekitar Taman Bagan dan Taman Cantik akan mendapat manfaat daripada pemajuan pintu air parit monsun bernilai RM354,000, yang siap dan beroperasi baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek berimpak tinggi tersebut diharap mampu mengurangkan lagi risiko banjir, terutama semasa air sungai pasang atau hujan lebat berpanjangan di sini kelak.

"Projek berimpak tinggi ini diharap akan mengurangkan lagi risiko banjir di sini, dan yang lebih penting ia akan memberi manfaat kepada lebih 2,000 keluarga," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Thanasekaran, Setiausaha Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud dan Micheal Tan Cheong Heng (Ahli Majlis MPSP) turut menyertai Majlis Perasmian Projek Membina Pintu Air Di Parit Monsun Taman Bagan, Butterworth di sini baru-baru ini.

Difahamkan, projek yang dilaksanakan selama 24 minggu mulai 18 November tahun lalu dan siap pada 15 Jun tahun ini dimajukan oleh kontraktor MSA Venture serta perunding JPNS Sdn. Bhd.

Sebanyak RM354,000 daripada peruntukan Wang Caruman Perparitan itu diluluskan untuk membiayai kerja-kerja piling, pembinaan pintu air, '*roadworks*' dan '*miscellaneous*'.

Tambah Guan Eng, beberapa lagi projek berimpak seumpama itu turut dirancang di bahagian Seberang Perai dan pulau, demi menangani risiko bencana banjir di negeri ini.



**KETUA Menteri serta tetamu Kerajaan Negeri yang lain meninjau parit monsun Taman Bagan yang siap dibina dan beroperasi pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.**

# Kerjasama penduduk sama-sama selenggara saliran air penting

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**NIBONG TEBAL –** Penduduk di kawasan Parlimen Nibong Tebal kini boleh menarik nafas lega apabila Kerajaan Negeri memberi jaminan untuk melaksanakan projek tebatan banjir jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah banjir yang kerap melanda di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, kegagalan sistem saliran air sedia ada untuk menampung pengaliran air menjadi antara faktor utama banjir kerap melanda terutama kawasan pekan dan taman-taman perumahan sekitar Nibong Tebal.

"Taman Nibong Tebal sebagai contoh, apabila hujan lebat melanda, parit monsun di sini tidak dapat menampung pengaliran air yang banyak sehingga melimpah dan menenggelamkan kawasan perumahan ini," katanya ketika mengadakan tinjauan ke Jalan Bayan Kecil, Taman Nibong Tebal di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), H'ng Mooi Lye dan Loh Joo Huat serta beberapa pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Menurut Kon Yeow, usaha mengatasi masalah banjir tidak seharusnya diletakkan sepenuhnya pada bahu Kerajaan Negeri, sebaliknya kerjasama penduduk tempatan untuk bersama-sama menyelenggara sistem saliran air adalah penting bagi mengatasi masalah banjir di sini.

"Contohnya, longkang berhampiran rumah, pastikannya bersih dan tidak tersumbat. Hal ini kerana sampah-sampah yang dibuang sewenang-wenangnya ke dalam longkang akan dibawa air ke rumah pam dan sampah-sarap seperti plastik akan menyekat aliran air sekaligus memberi kesan terhadap operasi rumah pam.

"Kita (Kerajaan Negeri dan JPS) menganggarkan sebanyak RM1 juta diperlukan bagi melaksanakan pemasangan jerangkap sampah baharu di kawasan ini dan kita akan cuba 'menguruskan' dari sumber kewangan MPSP, JPS, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan dan juga Kerajaan Pusat," ujar beliau.




**CHOW Kon Yeow (tengah, tunduk), Soon Lip Chee (lima dari kanan) dan pihak-pihak berkaitan meninjau salah sebuah parit monsun di Taman Nibong Tebal di sini baru-baru ini.**



**SISA-sisa domestik yang menyebabkan parit monsun tersumbat dan tidak dapat mengalirkan air sehingga menyebabkan kejadian banjir.**

# Nilai ringgit susut & GST beri tekanan kepada rakyat - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PULAU TIKUS** – Penyusutan nilai mata wang negara yang dihadapi kini sedikit sebanyak memberi tekanan buat semua lapisan rakyat Malaysia terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, rakyat Malaysia amnya mengalami tekanan hidup rentetan ketidaktentuan nilai ringgit dan keadaan pasaran minyak mentah sedunia.

"Nilai ringgit yang kian merosot serta harga minyak yang tinggi sedikit sebanyak memberi impak kepada pengusaha, peniaga-peniaga kecil, pemain industri dan seterusnya rakyat Malaysia.

"Hakikat ini jelas apabila rungutan rakyat kedengaran di mana-mana sahaja termasuk di kedai kopi mahupun di laman-laman sosial seperti *Facebook* dan *Twitter.*

"Tambahan dengan pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 lalu yang 'memaksa' rakyat membayar cukai sebanyak 6 peratus, amat membebankan," katanya ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Merdeka Raya Ahli Parlimen Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Selain tuan rumah, Zairil Khir Johari, turut memeriahkan majlis, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Steven Sim Chee Keong dan Ahli Parlimen Kluang, Liew Chin Tong.

Menurut Guan Eng, cukai GST dilaksanakan tanpa memberi pertimbangan yang wajar.

"Selagi kita tidak menghapuskan rasuah, keborosan, ketirisan dan politik wang, pelaksanaan GST tidak akan membawa keuntungan kepada rakyat, ia hanya menjadi sumber kewangan untuk kerajaan.

"Sebab itulah, Kerajaan Negeri menerapkan prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) dan integriti dalam memberi khidmat kepada rakyat.



ZAIRIL Khir Johari (depan, kanan sekali) ditemani isteri dan Chow Kon Yeow pada Majlis Rumah Terbuka Merdeka Raya Ahli Parlimen Bukit Bendera di sini baru-baru ini.



PARA tetamu menikmati juadah yang dihidangkan.

"Sebab itu jugalah, dalam tempoh tujuh tahun iaitu antara 2008 hingga 2014, kita (Kerajaan Negeri) berjaya menarik pelaburan sebanyak RM48.2 bilion iaitu peningkatan 93 peratus berbanding tujuh tahun sebelumnya.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) juga menikmati lebihan belanjawan dalam tempoh enam tahun sebanyak RM453 juta berbanding belanjawan terkumpul 50 tahun sebelum ini iaitu RM373.6 juta. Dan kita (Kerajaan Negeri) pulangkan kepada rakyat dalam bentuk program-program emas dan bantuan," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Dalam pada itu, Zairil yang turut berucap pada majlis itu turut menyeru semua pihak supaya bersatu hati dalam menghadapi senario ekonomi yang tidak menentu.

Lebih 3,000 hadirin hadir memeriahkan sambutan rumah terbuka yang turut disulami dengan persembahan nyanyian dan sketsa berkenaan.

# Syor panggil KR, KSR sebagai Jenis 1, Jenis 2 - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAYAN LEPAS** – Rumah Mampu Milik kategori Kos Rendah (KR) dan Kos Sederhana Rendah (KSR) lebih sesuai dipanggil Jenis Satu RM42,500 dan Jenis Dua RM RM72,500 demi membaiki sensitiviti para pemiliknya di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, pihaknya sendiri akan membawa syor tersebut dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

"Masanya sudah tiba untuk kita (Kerajaan Negeri) memberikan 'maruah' kepada pembeli-pembeli unit rumah dalam dua kategori ini.

"Dua kategori ini pun adalah Rumah Mampu Milik Jenis 1 RM42,500 dan Jenis 2 RM72,500, jadi saya akan cadang beri identiti baru kepada para pemilik rumah bagi dua kategori ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan majlis penyerahan replika kunci kepada 334 penerima Jenis 1 dan 80 Jenis 2 di rumah pangsapuri Ara Greens, yang dianjurkan oleh pemaju, GSD Land Sdn. Bhd..

"Ini sungguh bermakna kepada saya, kerana ini menunjukkan pemaju yang



JAGDEEP Singh Deo (barisan kedua, tujuh dari kanan) diiringi wakil pemaju GSD merakamkan gambar kenang-kenangan dengan para penerima rumah pangsapuri Ara Green di sini baru-baru ini.

bertanggungjawab dengan membina unit-unit Rumah Mampu Milik Jenis 1 dan Jenis 2, sebagaimana digariskan oleh Kerajaan Negeri," jelas beliau.

Pengarah GSD Land Sdn. Bhd., Lee Ham Kong, Puah Cheng Peng (Pengarah Urusan GSD) dan Tan Chin Chua (Pengarah Pemasaran & Pentadbiran Kredit GSD) turut menyertai majlis tersebut.

Difahamkan, sebanyak 12,471 unit KR melalui 64 projek pemajuan dan 7,608 unit KSR melalui 28 projek pemajuan lain telahpun dibina meliputi kelima-lima daerah di negeri ini, dalam tempoh tahun 2008 hingga bulan Mei lepas.

Dalam tempoh yang sama, 23 projek membina 3,796 unit KR dan sembilan projek memajukan 5,246 unit KSR lain turut diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Manakala, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pula akan memajukan 12 projek rumah mampu milik di kelima-lima daerah, yang terdiri oleh 787 unit KR, 7,874 KSR dan 13,851 unit jenis Rumah Mampu Milik.

Tambah Jagdeep, sehingga kini, sektor swasta telahpun mengemukakan rancangan untuk membina sejumlah 12,606 unit rumah mampu milik yang mengikut 100 peratus garis panduan yang ditetapkan di bawah Kerajaan Negeri.

# Jangan lengahkan bayar balik GST kepada peniaga – KM

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Pusat didesak segera membayar balik wang daripada sumber kutipan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) kepada peniaga-peniaga berwajib mengikut jadual, seperti yang dijanjikan sebelum ini.

"Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, peniaga yang membayar GST secara *online* sepatutnya mendapat bayaran balik dalam tempoh 14 hari, manakala 28 hari bagi mereka yang memohon secara manual atau *offline*.

"Mengapa peniaga-peniaga yang tidak membayar GST mengikut jadual akan didenda dan dibicarakan.

"Tetapi, apabila Kerajaan (Pusat) lewat untuk membayar balik dalam masa dua minggu sepertimana yang dijanjikan, mengapa mereka (Kerajaan Pusat) tidak dikenakan hukum atau masuk penjara.

"Ini tidak adil untuk peniaga-peniaga," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut merayu kepada Kerajaan Pusat supaya melihat realiti jualan para peniaga dekat Bazar Chowrasta menjelang musim perayaan Aidilfitri baru-baru ini, yang dilaporkan merosot secara mendadak melebihi 50 peratus berbanding tahun-tahun lepas.

Sumber berita tersebut melaporkan, seorang peniaga songkok, Syed Hamzah Syed Ahmad mengaku bahawa beliau yang lazim berjaya menjual hampir 500 songkok selepas 20 hari Ramadan, namun, keadaan berbeza pada musim perayaan kali ini.

"Jualan merosot kerana orang ramai fikir harga barang jualan tahun ini meningkat selepas pengenalan cukai barang dan perkhidmatan (GST), namun bukan semua barangan dinaikkan harga," katanya dipetik dari sebuah akhbar arus perdana.

# Mangsa kebakaran terima bantuan, ceriakan Aidilfitri



(Dari kiri), HASAN Sulaiman, Siti Haleesa Mustapha, Mariam Che Mat, Jagdeep Singh Deo dan Mohd. Khairi Ghazali pada majlis penyampaian cek bantuan kewangan di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Dua keluarga yang tinggal sehelai sepinggang akibat insiden kebakaran di Jalan P. Ramlee baru-baru ini bersyukur dengan bantuan peribadi yang disumbangkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Jagdeep Singh Deo di sini.

Sumbangan berupa wang tunai masing-masing berjumlah RM5,000 tersebut disampaikan sendiri oleh Jagdeep di pejabatnya di sini.

Jagdeep ketika ditemui berharap bantuan berkenaan mampu memberi sinar kecerian tatkala umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

"Saya harap keluarga mangsa yang terjejas terus tabah dan reda menghadapi ujian ini.

"Sumbangan yang diberikan mungkin tidak banyak, tetapi sekurang-kurangnya mampu meringankan sedikit bebanan ditanggung," katanya yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan pada majlis penyerahan sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut disampaikan, cek Zakat Pulau Pinang (ZPP) berjumlah RM6,000 kepada setiap keluarga oleh Penolong Pengurus Besar ZPP, Mohd. Khairi Ghazali.

Dalam pada itu, bagi salah seorang mangsa, Mariam Che Mat, 67, beliau reda dengan ujian Allah SWT terutama menjelang bulan Syawal ini.

Jelasnya, beliau dan keluarga tidak mempunyai masalah untuk menjalani ibadah puasa sebelum ini walaupun rumah mereka musnah dijilat api.

"Begitu juga Hari Raya, cuma suasana agak suram," ujarnya yang hadir bersama-sama anak perempuannya, Siti Haleesa Mustapha, 30.

Bagi seorang lagi mangsa, Hasan Sulaiman, 67, beliau memberitahu, persiapan Hari Raya Aidilfitri tahun ini cuma ala kadar sahaja.

Pada 29 Jun lalu, dua buah rumah di Jalan P. Ramlee musnah dalam kejadian kebakaran di sini.



WONG Hon Wai (depan, berkameja biru) beramah-mesra dengan para pelajar yang menerima BBKN pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

# BBKN, RM1.22 juta bantu 1,591 pelajar

Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

**AIR ITAM –** Sejumlah RM44,160 melalui peruntukan Bantuan Biasiswa Kecil Negeri (BBKN) diagihkan kepada 56 pelajar terpilih dari lima sekolah menengah sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, sejak tahun 2013, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah wang setiap tahun bagi membantu membiayai keperluan belajar pelajar-pelajar kurang mampu terpilih dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima seluruh Pulau Pinang.

"Bagi tahun ini, sejumlah RM1.22 juta disediakan untuk membantu 1,591 pelajar sekolah menengah terpilih dari 122 buah sekolah seluruh Pulau Pinang.

"Pemberian biasiswa ini adalah bagi menampung keperluan pembelajaran termasuk membeli buku kerja, buku rujukan dan sebagainya," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan BBKN Pulau Pinang di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.

Setiap pelajar menengah rendah (Tingkatan 1-3) menerima RM600 setahun, manakala bagi pelajar menengah atas (Tingkatan 4–5), RM840 setahun.

Dalam ucapannya, beliau berharap bantuan berkenaan dapat menyuntik semangat para pelajar untuk terus mencapai rekod cemerlang dalam akademik.

"Biasiswa ini merupakan salah satu usaha murni Kerajaan Negeri membantu meningkatkan kecemerlangan dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga kurang berkemampuan.

"Diharap pihak sekolah yang hadir akan terus memberi semangat kepada pelajar-pelajar ini untuk berjaya dan berbakti kepada masyarakat kelak," ujar beliau yang turut berkongsi pengalamannya ketika di bangku sekolah.



Ucapan semasa perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ke-11 pada 8 Jun 2015 (Bhg. 2)

# Pulau Pinang anak tiri Malaysia

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

Tuan yang dipertua,

**SLOGAN** besar yang dilaungkan Perdana Menteri semasa membentangkan RMK11 adalah "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat." Dalam prakata dokumen RMK11 pula, matlamat yang tertera adalah untuk mencapai "aspirasi menjadi negara maju yang inklusif dan mampan menjelang tahun 2020."

Dalam pemahaman saya, apabila ungkapan "inklusif" digunakan, ia membawa maksud bahawa apa-apa hasil kemajuan dan pembangunan akan dikongsi dan dimanfaatkan oleh semua rakyat Malaysia. Namun, saya ragu sama ada RMK11 ini benar-benar inklusif sebagaimana yang dijanjikan, apabila jelas terdapat wilayah-wilayah tertentu yang tidak diberi perhatian yang secukupnya.

Bagi pihak rakyat Pulau Pinang, saya ingin menzahirkan perasaan dukacita kerana negeri kami seolah-olah dipulaukan dan tidak diberi layanan yang adil dan saksama. Walaupun Perdana Menteri menjanjikan pelaburan yang paling besar dalam sejarah Malaysia dengan nilai RM260 bilion untuk merealisasikan RMK11, namun nampaknya tiada apa-apa yang signifikan untuk salah sebuah negeri utama di negara kita, iaitu Pulau Pinang.

Ambil sebagai contoh, salah satu daripada enam "pemacu perubahan" ataupun *game changer* yang diutarakan oleh RMK11, iaitu "melabur dalam bandar berdaya saing". Strategi yang dicanangkan ini adalah langkah yang bijak, kerana bandar kini memainkan peranan yang sangat penting dalam memangkin pertumbuhan negara. Sesebuah bandar yang maju bukan sekadar dapat menjana peluang pekerjaan dan perdagangan yang banyak, ia juga dapat menghubungkannya kepada penduduk kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan merangka pelan induk daya saing *(competitiveness master plans)* bagi empat bandar utama, iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu. Pelan induk ini akan dibangunkan berdasarkan prinsip mewujudkan kepadatan, memperluas pembangunan berorientasikan transit *(transit-oriented development)*, mengukuhkan kluster berasaskan pengetahuan *(knowledge-based clusters)*, meningkatkan daya huni *(liveability)*, menggalakkan pembangunan dan amalan hijau dan memastikan inklusiviti.

Amat malang sekali, Pulau Pinang tidak termasuk dalam senarai bandar-bandar utama tersebut.

Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku, sedangkan Pulau Pinang adalah bandar paling utama di negara kita selepas Kuala Lumpur? Malah, Pulau Pinang juga diberi pengiktirafan antarabangsa sebagai bandar ke-8 paling berdaya huni di Asia, sementara Kuala Lumpur hanya menduduki kedudukan ke-10.

Oleh itu, pengecualian Pulau Pinang daripada pelan induk daya saing tidak masuk akal langsung, khusus sekali apabila kita mempertimbangkan kriteria yang digunakan dalam dokumen RMK11, iaitu saiz penduduk, sumbangan KDNK, infrastruktur sedia ada, pemusatan institusi pengajian tinggi, kelebihan geografi serta prinsip inklusiviti serta agihan saksama.

Dari segi populasi, Pulau Pinang mempunyai hampir 1.7 juta penduduk, dan jika dikira kawasan-kawasan pinggiran yang merangkumi "Greater Penang Conurbation", populasi metropolitannya adalah hampir tiga juta orang. Tambahan pula, selepas Kuala Lumpur, Pulau Pinang mempunyai kepadatan penduduk yang paling tinggi, iaitu 1,500 orang sekilometer persegi.

Bagi kriteria KDNK pula, Pulau Pinang adalah antara yang terbesar di Malaysia. Pada tahun 2014, KDNK Pulau Pinang adalah RM67 bilion, iaitu kelima tertinggi selepas Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Sarawak. Pencapaian ini adalah signifikan memandangkan Pulau Pinang juga adalah negeri kedua terkecil selepas Perlis. Ini diterjemahkan kepada kadar KDNK per kapita yang tinggi. Umpamanya, pada tahun ini KDNK per kapita Pulau Pinang dijangka mencecah RM46,019, iaitu ketiga tertinggi di Malaysia dan melebihi Selangor yang dijangka mencatat RM45,617. Ini adalah bukti bahawa Pulau Pinang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia.

Untuk kriteria infrastruktur pula, umum mengetahui bahawa Pulau Pinang merupakan hab logistik utara, di mana terletaknya pelabuhan, lapangan terbang dan stesen keretapi utama. Oleh itu, Kerajaan sepatutnya memantapkan lagi infrastruktur sedia ada untuk memangkin pertumbuhan ekonomi di seluruh wilayah utara.

Dari segi pemusatan institusi pengajian tinggi, Pulau Pinang juga merupakan hab pendidikan bagi semua peringkat, dari pra-sekolah sehingga ke pendidikan tertiari. Di samping sembilan sekolah antarabangsa, kami juga mempunyai salah satu IPTA terunggul, iaitu Universiti Sains Malaysia, serta beberapa lagi kolej dan universiti kolej swasta. Tambahan pula, Pulau Pinang juga telah menarik minat universiti asing seperti Hull University dari UK yang akan menubuhkan kampus mereka di Batu Kawan.

Bagi kriteria kelebihan geografi, adalah sukar untuk menafikan bahawa Pulau Pinang mempunyai lokasi yang sangat strategik, baik dari segi air, udara atau jalanraya. Lebih daripada itu, Pulau Pinang juga merupakan noda yang menyambungkan rantau Thailand Selatan dan Indonesia Utara.

Akhir sekali, berdasarkan prinsip inklusiviti, empat bandar yang dipilih itu mewakili Sabah, Sarawak serta wilayah tengah dan selatan Semenanjung. Ini bermaksud bahawa wilayah utara Semenanjung telah dipinggirkan sama sekali. Oleh itu, bagaimanakah pilihan bandar-bandar ini boleh dikatakan sejajar dengan prinsip inklusiviti?



ZAIRIL Khir Johari (tengah, berkaca mata) bersama-sama Jawatankuasa Masjid Terapung ketika mengadakan lawatan ke pusat pendidikan kanak-kanak Rohingya.

Jelas, Pulau Pinang bukan sahaja berhak tetapi sepatutnya menjadi pilihan utama untuk program pelan induk daya saing bandar ini. Pembangunan Pulau Pinang terbukti dapat memangkinkan pertumbuhan wilayah utara secara khusus dan negara Malaysia secara amnya. Malangnya, Kerajaan lebih suka mengambil pendekatan ibarat kerana nyamuk seekor, kelambu dibakar dengan meminggir rakyat Pulau Pinang atas dasar politik yang sempit.

Ini bukan kali pertama Pulau Pinang dianaktirikan. Saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini mengenai janji-janji manis yang terkandung dalam RMK9 (2006-2010). Antaranya, projek monorel RM2 bilion telah diumumkan untuk menaiktaraf pengangkutan awam di Pulau Pinang. Malah, tender projek tersebut telah pun dijalankan dan dianugerahkan.

Namun, setelah BN tewas di Pulau Pinang dalam Pilihan Raya Umum 2008, dengan tiba-tiba projek tersebut telah dihentikan semasa kajian separuh penggal *(mid-term review)*. Nasib yang sama juga menimpa projek Penang Outer Ring Road (PORR) yang bernilai RM1.5 bilion.

Seperti biasa, Kerajaan BN selalu meletakkan kepentingan politik sebelum kepentingan rakyat. Namun demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak hanya duduk berdiam. Walaupun mempunyai sumber kewangan yang terhad, Kerajaan Negeri bertekad untuk menyelesaikan masalah lalulintas yang sekian lama ini menghantui rakyat Pulau Pinang.

Oleh itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang bernilai RM27 bilion. Kini dalam peringkat tender untuk Project Delivery Partner (PDP), projek ini merupakan pelan bersepadu berdasarkan kajian menyeluruh yang dimulakan pada tahun 2011 dan merangkumi pembinaan lebuhraya-lebuhraya baru, LRT, Trem, sistem bas baru, pengangkutan air, serta terowong bawah dasar laut pertama di rantau Asia Tenggara.

Matlamat projek ini adalah untuk mengintegrasikan sistem pengangkutan dengan pelan pembangunan agar rakyat dapat digerakkan dari rumah mereka ke tempat kerja atau pusat komersil dengan mudah tanpa kesesakan lalulintas. Meskipun dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan atas sebab politik, dan walaupun kekurangan sumber dan dana pembangunan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap komited untuk melaksanakan tanggungjawabnya terhadap rakyat dengan menyediakan infrastruktur terbaik bagi membangunkan daya huni dan memangkin pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Biarpun dipinggirkan, Pulau Pinang tetap akan mara ke depan.

Sekian, terima kasih.



BERSAMA-sama Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (tiga dari kiri) memerhatikan gelagat manja seorang bayi pada lawatan ke Klinik Kesihatan Jalan Perak untuk mengedarkan sumbangan kurma sempena Ramadan baru-baru ini.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>- | - |
| **SUNGAI DUA**<br>- | - |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>- | - |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - - |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | - | - - |
| N5 | Sungai Dua | - | - - |
| N6 | Telok Air Tawar | 017 - 595 9891 | - Norfatin |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | - Siti Hajar |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | - | - - |
| N39 | Pulau Betong | 016 - 407 2135 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | 017- 413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Ketenasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorty | Seberang Perai Tengah | - | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 6901 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Ogos 2015




1hb - 31hb Ogos
***Festival George Town***

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***", taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256



**YDP MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif (tengah, berbaju kelabu) bersama-sama para peserta lain menunjukkan tanda bagus pada penganjuran Program Senamrobik MPSP di Padang Taman Berjaya, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.**



**ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim (kiri sekali) memeluk erat salah seorang jemputan pada Majlis Berbuka Puasa anjuran beliau.**



**SEBAHAGIAN pelajar yang diraikan pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sekolah Kebangsaan Sri Aman menunjukkan sijil-sijil penghargaan diterima.**



**SEBUAH keluarga tidak melepaskan peluang *berselfie* dengan Ketua Menteri pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri ADUN Batu Maung.**



**EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng (kiri sekali) bersama-sama para jemputan lain menunjukkan tanda bagus ketika mengadakan lawatan ke kolam renang mesra OKU di Seberang Jaya.**






TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan) mengambil inisiatif khas berbasikal sejauh 12 kilometer dari Queensbay, Bayan Baru ke George Town bagi menjayakan kempen *Bike on Fridays* (BOF).




EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bergambar kenangan dengan karektor *Optimus Prime* dan *Bumblebee* pada majlis sidang media Pameran Awam Transformers Pertama di Asia Tenggara.






SALAH sebuah pertunjukkan istimewa yang dipersembahkan pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Yang diPertua Negeri.

# Bandar Satelit Baru rangkumi Batu Kawan, dua kawasan lain

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, nama 'Bandar Satelit Baru' yang dimaksudkan oleh Kerajaan Negeri adalah merangkumi lokasi segi tiga di antara kawasan Batu Kawan, Cangkat dan Bukit Minyak di negeri ini.

Justeru katanya, Bandar Satelit Baru yang akan dimajukan di negeri ini sepatutnya difahami seperti pembangunan Wilayah Pembangunan Malaysia di Johor, yang merangkumi lokasi segi tiga di antara Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di utara, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di barat daya dan Pelabuhan Pasir Gudang (PPG) di tenggara.

"Nama Batu Kawan masih kekal, tetapi, oleh kerana ia merangkumi kawasan yang lebih besar, maka memerlukan nama yang lebih sesuai.

"Ia (Bandar Satelit Baru) merangkumi dua kawasan Parlimen (iaitu) Nibong Tebal dan Batu Kawan, dan juga merangkumi dua kawasan Daerah (iaitu) SPT (Seberang Perai Tengah) dan SPS (Seberang Perai Selatan)," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

Menurut Guan Eng, Bandar Satelit Baru yang dimaksudkan adalah meliputi kira-kira 5,000 ekar tanah, yang akan dibangunkan secara serentak sebagai pusat industri, komersial, perumahan dan kawasan riadah.

"Ini akan menjadi kawasan perindustrian yang baru diusahasama dengan Sime Darby (membabitkan) 930 ekar, (manakala) Kerajaan Negeri 4,000 ekar," jelas beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Penjelasan Guan Eng itu sekaligus menyanggah laporan akhbar berbahasa Cina tertentu, kononnya Guan Eng mahu menukar nama kawasan Batu Kawan pada 'Bandar Satelit Baru' tidak lama lagi.

# KN nafi gagal uruskan sisa pepejal

Oleh : **ME**




Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**



CHOW Kon Yeow.

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri menafikan kegagalan dalam menguruskan sisa pepejal sebagaimana didakwa sesetengah media perdana dan parti pembangkang di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, misi Kerajaan Negeri adalah memastikan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat, justeru dalam tempoh beberapa tahun ini, usaha-usaha yang dilakukan telah memperlihatkan penambahbaikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di sini.

"Contohnya, beberapa kes sampah yang tidak diuruskan dengan baik sebagaimana dilaporkan dalam media baru-baru ini merupakan kes berasingan dan telah ditangani oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

"Di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), kutipan sampah di kawasan komersial dan bangunan bertingkat adalah dibuat setiap hari kecuali hari Ahad.

"Tong sampah besar di kawasan komersial tertentu pula akan dikutip setiap hari, manakala di kawasan kediaman dan kawasan kampung, sampah adalah dikutip tiga kali seminggu," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa, bagi kawasan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), kutipan sampah di kawasan kediaman, komersial dan bangunan bertingkat dijalankan sebanyak tiga kali seminggu.

"Kutipan sampah di pusat membeli-belah dan tong sampah besar di kawasan kampung adalah pada setiap hari," ujanya.

Dalam pada itu, tambah Kon Yeow, walaupun sampah dikutip setiap hari di sesetengah kawasan, ianya masih memerlukan kerjasama daripada peniaga dan penghuni supaya tidak membuang sampah di merata-rata tempat bagi menjamin tahap kebersihan yang optimum.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | |
|---|---|
| No Akaun | 11283 |
| Peminjam | HARTINI A/P MUNIANDY - 86080535****<br>NO. 17-B LORONG PERMAI 2, TAMAN PERMAI, 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 1 | GUNASEGARAN A/L BALAKRISHNAN - 63081308****<br>23 LORONG SERI BISTARI 3 , TAMAN SERI BISTARI, 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 2 | REJAYARAM A/L K MUNIANDY - 63062907****<br>19 LORONG PANCHOR INDAH 21, TAMAN BUKIT PANCHOR, 14300 NIBONG TEBAL, SPS |

| | |
|---|---|
| No Akaun | 11285 |
| Peminjam | MUHAMMAD HIFZAILI BIN AHMAD HAFNI - 84101814****<br>966 LAHAR IKAN MATI, 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| Penjamin 1 | ZULKARNAIN BIN AHAMAT@AHAMAD - 84081814****<br>NO. 51 JALAN SS 3/5T, TAMAN SUBANG, PETALING JAYA 47300 SELANGOR |
| Penjamin 2 | SHAHIR ALBAKRI BIN MUSTAFA ALBAKRI - 84052707****<br>37 JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU |

| | |
|---|---|
| No Akaun | 11287 |
| Peminjam | NOOR AQIDAH BINTI ABDUL SATAR - 85112707****<br>NO 8, JALAN NURI 7/19A, SEKSYEN 7, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR |
| Penjamin 1 | THOHARAH BINTI MUSA - 59112402****<br>P-3-2 PANGSAPURI TANJUNG TOKONG , FASA 4A, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | HAZIZAH BINTI HARIS - 59101210****<br>43 LORONG NELAYAN 1, TELUK BAHANG, BALIK PULAU 11050 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | 11288 |
| Peminjam | MASYITAH BINTI MD.AZIZUDIN - 81121007****<br>BAHAGIAN PERUMAHAN, PARAS 20 KOMTAR 10503 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | MD TARMIZI BIN MD AZIZUDIN - 77061407****<br>5-8-22 KRISTAL IDAMAN, LEBUH BUKIT KECIL 6, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | MD AZIZUDIN BIN ZAINUL ABIDIN - 44120907****<br>BLOK 11-G-3 LEBUH MAHSURI, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | 11292 |
| Peminjam | NURUS-SA ADAH BINTI ISMAIL - 87021349****<br>NO. 33 LORONG SUTERA PRIMA 2, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA, SELANGOR |
| Penjamin 1 | ISMAIL BIN ABDULLAH - 60070507****<br>1998 KUARTERS, INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | MANSOR BIN ABDULLAH - 73010507****<br>NO.2166 PERMATANG MANGGIS 13300 TASEK GELUGOR, SPU |

| | |
|---|---|
| No Akaun | 11293 |
| Peminjam | NG SHOAK LENG - 89112707****<br>39-2-2, TINGKAT PAYA TERUBONG 4, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | CHAN CHOONG FOO - 68072307****<br>32-25-12 THE PULSE, LORONG KAKI BUKIT, TMN BUAH PALA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | CHAN CHOY HOONG - 72051007****<br>39-2-2 TINGKAT PAYA TERUBONG 4, 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | 11294 |
| Peminjam | SITI HAJAR BINTI MUHAMMAD ANUAR - 90032507****<br>A1-1-03 IDAMAN LAVENDER, LILITAN SUNGAI ARA 3, SUNGAI ARA 11900 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | MUHAMMAD ANUAR BIN ABDUL HAMID - 62092007****<br>RB6-8 PERSIARAN BAYAN 3, TMN TUNAS MUDA, SG. ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | FATIMAHWATI BINTI ABDUL HAMID - 66032207****<br>NO. 11 LALUAN DESA TAMBUN 8, DESA TAMBUN, IPOH 31400 PERAK |

| | |
|---|---|
| No Akaun | 11295 |
| Peminjam | SHAMANI A/P GUNASEGARAN - 88012607****<br>BLOK 5-15-01 SRI IVORY, LENGKOK ANGSANA, BDR. BARU AYER ITAM 11600 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | MAHESH A/P GUNASEGAREN - 86032335****<br>348-4-1 SRI CAHAYA APARTMENT, JALAN AYER ITAM, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG |
Disebabkan penyakit kuning yang dihidapinya, beliau hanya berupaya melanjutkan pelajaran hingga ke tingkatan tiga. Justeru, beliau sering melabelkan dirinya sebagai usahawan yang tidak pandai menulis dan membaca, tetapi pandai cari duit.

Bagaimanapun, berkat restu, sokongan dan dorongan daripada arwah suaminya, Kak Izz membuat permohonan untuk belajar dan mengikuti kursus-kursus keusahawanan yang dianjurkan dari semasa-semasa oleh agensi-agensi kerajaan.

"Saya mengikuti kursus selama enam bulan di Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk belajar membaca dan menulis peringkat asas, ini termasuk A, B, C... dari mula.

"Profesor ajar dari jam 7 pagi hingga 11 malam. Akak masih ingat, bilik akak penuh dengan kertas sampai tidak nampak lantai sebab banyak sangat guna kertas praktis menulis.

"Malah, *cleaner* pun pernah beritahu yang akak kena ada tong sampah sendiri," jawabnya sambil ketawa dan memaklumkan bahawa beliau kini sudah memahiri semuanya termasuk laman-laman sosial, *facebook*.

Prinsip Kak Izz adalah, di situ ada kemahuan, di situlah ada jalannya. Malah, beliau menambah bahawa jangan ada istilah 'penat' untuk sampai ke menara gading.

Walaupun terpaksa cagarkan aset-aset dimilikinya pada peringkat permulaan, faktor-faktor tersebut tidak pernah mematahkan semangat Kak Izz untuk terus mencari jalan penyelesaian bagi memperkembangkan perusahaannya.

Kini, produk beliau, selain pasaran tempatan, ia telah memasuki pasaran Thailand, Dubai dan juga negara-negara lain.

Bagi perancangan masa depan, Kak Izz yang merupakan anak ke-enam daripada sembilan adik-beradik menyatakan bahawa beliau ingin jadi macam *Kentucky Fried Chicken* (KFC).

"Manusia yang akak paling 'anti' ialah KFC! Nama dan kedainya ada di seluruh Malaysia. Akak nak jadi macam dia," tegas beliau.

Sebelum mengakhiri sesi yang diadakan di kilang pemprosesan produknya, Kak Izz menyatakan bahawa bidang perniagaan memang tidak boleh lari daripada fitnah.

"Namun, akak pegang prinsip 'teh kopi'. Jangan dengar fitnah orang, janji kita ada duit buat kerja jujur," tegas beliau yang dikurniakan 20 cahaya mata secara keseluruhan kini.

Bidang perniagaan ada naik turunnya. Walaupun terpaksa bertungkus-lumus mencari rezeki, Kak Izz tidak pernah menganggap tanggungjawab untuk membesarkan anak-anak sebagai suatu beban.

Sebaliknya, beliau seronok memiliki sebuah keluarga yang besar dan ramai anak.

Selain produk pes, Kak Izz yang juga pakar dalam pembuatan produk-produk jamu kini bertemu jodoh dengan Abdul Latiff Abdul Rahim, 45, yang berasal dari Baling, Kedah.

Melihat dua anaknya yang berminat untuk meneruskan perusahaannya, Kak Izz berasa amat bersyukur dan mampu tersenyum lebar.

**INFO :**
**09 IZZ FITRI**
**Plot 16/TO (RU:1451) Jalan Pokok Machang, Pokok Jenerih, 13300 Tasek Gelugor.**
**019 - 577 7509 / 018 - 941 2339**



KAK Izz sambil diapit oleh Abdul Latiff Abdul Rahim (kiri) dan anaknya menunjukkan produk-produk yang dihasilkan.



SEBAHAGIAN produk yang dihasilkan.



SEDIA untuk dipasarkan.



PERENCAH-perencah sedang dimasak di dalam kawah.

# Judi haram masalah semua kaum – M. Satees

**OLEH** kerana selalu sangat disebut usaha memerangi judi itu adalah tanggungjawab orang Islam sahaja, maka, banyak pihak percaya bahawa kempen gaya hidup sihat seperti itu tidak mungkin disokong oleh komuniti atau pemimpin bukan Melayu.

Bahkan, ada yang percaya bahawa isu berbangkit itu tidak pernah dibincangkan secara terbuka di negeri ini, kononnya atas dalih nak menjaga sensitiviti komuniti bukan Melayu *(non-Malay)* atau bukan Islam *(non-Muslim)*.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbadaran Seberang Perai (MPSP), M. Satees, 30, yang ditemubual oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini memberi gambaran sebaliknya.

Satees memberitahu, beliau sejak dua tahun lepas lagi konsisten mendesak pihak berwajib untuk memerangi penyalahgunaan premis hiburan untuk aktiviti judi tanpa lesen.

"Isu judi haram ini bukan eksklusif untuk satu kaum sahaja.

"Kalau kita masuk ke pusat judi haram ini, saya dapat lihat ada orang Melayu, ada orang Cina dan ada orang India.

"Yang paling menyedihkan, mereka yang terlibat memang sangat muda, daripada umur semuda 15 tahun hingga melebihi usia 30-an akhirnya ketagih dengan judi haram ini.

"Sebab itu saya berasa isu judi haram ini tidak sensitif pun pada komuniti bukan Islam, sesuatu yang mesti diambil tindakan oleh semua pihak," jelasnya ketika ditemui di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda, Seberang Jaya.

## Peribadi

Satees lahir di Taiping, Perak, tetapi, bermastautin di Pulau Pinang sejak kecil.

Selepas bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Perai dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Inderawasih, beliau kini sedang melanjutkan pengajian secara jarak jauh dalam bidang undang-undang (Llb), dengan *University of London*.

Selepas melepaskan jawatan di firma *Citibank* pada bulan Januari 2008, beliau mengambil keputusan untuk terjun dalam dunia politik serta dilantik menjadi Ahli Majlis MPSP pada bulan Julai 2013.

Anak bongsu daripada enam adik-beradik tersebut rupa-rupanya masih belum berkahwin.

Tahu tidak tahu, beliaulah yang mencadangkan MPSP untuk menyertai ICLEI *(Local Governments For Sustainability)* di peringkat dunia, sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia.

Satees juga merupakan wakil Malaysia bagi *Earth Child Institute,* iaitu satu pertubuhan antarabangsa yang berpejabat di New York, Amerika Syarikat setelah menjalankan projek perintis *"One Child, One Tree"* di Seberang Perai.

Beliau adalah perwakilan ECI-Malaysia di Persidangan UNDPI-NGO ke-42 di United Nations, New York, Amerika Syarikat, Senator Kerajaan Transnasional Tamil Eelam yang beroperasi dari New York, Amerika Syarikat, serta perwakilan dalam *'Conference on Land Grabs of Tamils in Sri Lanka'* di Parlimen United Kingdom yang dianjurkan oleh British Tamil Forum.

"Prinsip hidup saya, 'mendiamkan diri bukan satu pilihan, bila kerakusan berlaku di depan mata," jelasnya.



M. Satees mendedahkan beberapa gambar premis judi haram di salah sebuah pusat membeli-belah yang dirakam oleh beliau sendiri, pada Mesyuarat Penuh MPSP di sini baru-baru ini.

## Mesyuarat Penuh MPSP

Satees pada mesyuarat penuh Majlis ke-493 baru-baru ini turut meminta MPSP menjelaskan mengenai perkara berbangkit berkaitan.

Didedahkan, MPSP dalam tempoh 2013 hingga 2015 meluluskan sebanyak 115 lesen premis hiburan di ketiga-tiga daerah Seberang Perai, yang di dalamnya terdapat mesin simulator.

Itu, tidak termasuk 71 lesen lain untuk premis yang menjalankan aktiviti permainan komputer, dilesenkan di bawah kategori perniagaan am.

Dalam jawapan bertulis kepada Satees, MPSP memaklumkan sebanyak 110 kompaun dikeluarkan kepada pusat hiburan dan kafe berinternet yang didapati melanggar syarat-syarat lesen, dalam tempoh 2013 hingga 2015.

"Memang kekangan itu ada pada kita (MPSP).

"MPSP tidak boleh mengambil tindakan seperti polis. Tetapi, kita (MPSP) boleh untuk pertimbang melakukan penguatkuasaan jika premis terbabit masih beroperasi selepas jam 2 pagi.

"Mungkin kita boleh batal lesen (premis) selepas dua tiga kali amaran dikeluarkan oleh MPSP," tegas beliau.

## Kerjasama Polis, MPSP

Satees memberitahu bahawa MPSP wajar mencari jalan supaya ada kerjasama strategik dengan polis serta beberapa pihak berkuasa berwajib yang lain.

"Sekarang, mesin simulator boleh diberikan lesen hiburan kerana pihak polis mengesyorkan mesin simulator itu bukan suatu perjudian haram.

"Itu definisi daripada pihak polis sendiri.

Kalau pihak polis kata, simulator tersebut tidak boleh diberikan lesen, maka kita (MPSP) boleh batalkan (lesen premis hiburan) serta-merta.

"Masalah mesin simulator ini didifinisikan sebagai hiburan, tetapi mesin simulator ini sebenarnya digunakan untuk perjudian haram.

"Siapa nak main mesin simulator yang kononnya atas maksud hiburan, jika tiada unsur penipuan keuntungan seperti judi," tanya beliau.

## Cabaran

Satees mengaku, perjuangan memerangi judi haram bersama-sama seorang lagi Ahli Majlis MPSP, P. David Mashel bukanlah kerja mudah.

"Macam di sebuah pasar raya di Perai, luar sahaja ada lapan (premis judi haram), manakala dalam pasar raya ada lagi tujuh (premis).

"Saya ada dengar bahawa tingkat empat di kompleks itu pun akan dijadikan premis judi haram tidak lama lagi, jika tidak dibendung.

"Bahaya memang bahaya apabila saya bercakap perkara ini dalam mesyuarat penuh MPSP dan di tempat-tempat awam, tetapi ini tanggungjawab sosial bersama untuk rakyat Malaysia di Seberang Perai," katanya.

## Komitmen Putrajaya

Tambah beliau, Kerajaan Pusat di Putrajaya sewajibnya memberikan komitmen secara berterusan dan jujur demi memerangi aktiviti judi haram di negeri ini.

Ini kerana, menurut beliau, keselamatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat, melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Justeru, beliau menggesa Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang kini baru dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri melakukan sesuatu untuk membanteras gejala sosial ini.

"Lagipun, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi pada empat bulan lalu mengadakan Ops. Cantas Khas untuk membanteras judi haram ini, tapi, saya tidak nampak apa-apa kesan pun di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai.

"Datang saja ke Perai, saya boleh tunjuk semua premis judi haram ini yang ada mula beroperasi pada jam 2.30 pagi, di mana generasi belia kita boleh duduk sana (premis judi haram) sampai 24 jam.

"Mereka (pengendali premis judi haram) kata ini semua mesin simulator, luar premis tulis pelajar sekolah dilarang masuk, tetapi yang ramai masuk adalah pelajar sekolah," tegas beliau.

## Harapan

Bagi Satees, Kerajaan Negeri melalui MPSP perlu mempertimbang syor membenarkan operasi premis hiburan berdasarkan populasi penduduk setempat.

"Sebenarnya, pusat hiburan tak perlu banyak-banyak di suatu tempat.

"Pusat hiburan yang benar-benar untuk keluarga perlu sebagai alternatif supaya premis judi haram yang sebenarnya menyumbang pada keretakan rumah tangga juga boleh dibendung.

"Kita (MPSP) mesti mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini, termasuk mempertimbang cadangan untuk menyenaraihitamkan pengendali-pengendali premis judi haram ini, jika ada ruang secara perundangan.

"Bagi saya, selain arak yang dianggap sebagai ibu segala kejahatan, judi pun adalah ibu kepada kejahatan seperti merompak dan sebagainya apabila mereka mulai ketagih.

"Judi haram sudah menjadi masalah kronik dalam kalangan keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah dan menjadi salah satu punca jenayah-jenayah lain.

"Ini isu yang inklusif untuk semua bangsa, kita tidak boleh kompromi dengan menyebut bahawa ia sekadar hiburan semata-mata.



M. Satees (kiri) sedang diwawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara.

# MPSP perbaharui ikrar, komited tingkat perkhidmatan

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kanan) bersalaman dengan salah seorang penguatkuasa MPSP.



SR. Rozali Mohamud (depan sekali) mengetuai bacaan ikrar kualiti dan ikrar kakitangan pada Perhimpunan Korporat Ke-dua Bagi Tahun 2015 MPSP di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA –** Para kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini memperbaharui ikrar kualiti dan ikrar kakitangan di hadapan Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif bersempena Perhimpunan Korporat Ke-dua Bagi Tahun 2015 pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit di sini.

Maimunah semasa menyampaikan ucapan beliau menyeru supaya semua kakitangan MPSP melaksanakan bacaan ikrar yang diketuai Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

"Saya berharap agar ikrar tersebut bukan hanya sekadar dibaca, tetapi hendaklah dilaksanakan seperti mana yang telah dilafazkan.

"Perlu diingatkan bahawa pelaksanaan ikrar tersebut akan membantu meningkatkan imej MPSP di samping komitmen penyampaian perkhidmatan bermutu tinggi kepada penduduk Seberang Perai secara keseluruhan," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut serta pada perhimpunan itu adalah Ahli-ahli Majlis MPSP dan ketua-ketua jabatan.

Tambah Maimunah, setiap kakitangan MPSP perlu mengetahui tugas dalam jabatan dan bidang kuasa masing-masing supaya tiada isu yang dibangkitkan seperti (isu) kebersihan khususnya.

"Pegawai atau kakitangan MPSP perlu faham dan ada maklumat tentang bidang tugas Majlis dalam pelaksanaan inisiatif pembersihan jalan, longkang dan pemotongan rumput.

"Maklumat-maklumat ini adalah penting untuk membezakan tanggungjawab penyelenggaraan antara Jalan Persekutuan dengan jalan negeri dan bandaran serta skop bidang kuasa MPSP berbanding Jabatan Kerja Raya (JKR) Pusat dan JKR negeri," ujarnya.

Sebelum mengakhiri ucapan beliau, Maimunah turut berpesan kepada para kakitangan MPSP supaya menunjukkan contoh yang baik dengan berjimat cermat dan tidak membazir makanan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Ini adalah bagi mengurangkan penghasilan sisa makanan yang mana berdasarkan laporan bahawa sepanjang bulan Ramadan baru-baru ini, sebanyak 9,000 tan sisa makanan dihasilkan secara purata setiap hari di negara ini," jelasnya.

## Pembuangan sampah haram, lapor kepada MBPP

Oleh :**WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**



SYERLEENA Abdul Rashid dan Chris Lee Chun Kit pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid menyeru orang ramai supaya melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan sekiranya orang ramai mendapati berlakunya kes-kes pembuangan sampah secara haram di sini.

Beliau berkata demikian sebagai membalas kenyataan seorang pemimpin parti politik tempatan, H'ng Chee Wey yang mendakwa bahawa slogan 'Pulau Pinang Bersih dan Hijau' tidak lagi relevan ekoran terdapat banyak lokasi di bahagian pulau dipenuhi sampah- sarap.

"Melalui *MBPP Watch* yang menggunakan pendekatan aplikasi media sosial, *Facebook*, pengguna boleh menyalurkan aduan secara terus kepada Majlis.

"Maklum balas yang diperoleh menerusi *MBPP Watch* akan disiasat dan diambil tindakan demi kepentingan, kebajikan serta keselesaan penduduk di sini.

"Tidak kira siapa pun termasuk orang politik, anda boleh terus membuat aduan kepada MBPP, sebaliknya bukan membuat kenyataan kepada pihak lain yang jelas sekali tidak dapat membantu menyelesaikan perkara seperti ini,'' katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit.

Pada 4 Julai lalu, Chee Wey mendakwa bahawa terdapat timbunan-timbunan sampah di flat sekitar Padang Tembak di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Kebun Bunga di sini.

## Langkah pemutihan 'kilang haram' hingga Ogos

Oleh : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Kesemua 506 'kilang haram' yang dikenal pasti beroperasi aktif di sekitar Seberang Perai digesa supaya segera mengemukakan pelan bangunan serta mematuhi beberapa syarat asas keselamatan berwajib sebelum penghujung bulan Ogos ini, demi mengelak langkah perundangan selanjutnya daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif bagaimanapun tidak pula menjelaskan bahawa para pengusaha kilang tanpa lesen terbabit akan diberikan lesen sementara, sebagai langkah moratorium atau pergantungan serta penangguhan kegiatan penguatkuasaan berwajib atas persetujuan bersama antara mereka dan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Kita (MPSP) telah membawa garis panduan 2013 pemulihan untuk kilang-kilang yang tidak dapat kelulusan daripada majlis pada 2013.

"Dan, kita juga telahpun memberi masa untuk kilang-kilang ini mengemukakan pelan sehingga bulan Ogos 2015," katanya sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlisnya, M. Satees pada sesi Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha Majlis bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan seorang ahli majlis lain, Loh Joo Huat turut menyertai sidang media tersebut.

Daripada 506 kilang yang beroperasi tanpa kelulusan MPSP, difahamkan, 59 buah berada dalam zon perindustrian dan baki 447 kilang lagi berada di luar pelingkungan zon perindustrian.

Dalam pada itu, Maimunah memberitahu, pengusaha-pengusaha kilang terbabit sepatutnya boleh melaksanakan kewajipan masing-masing, memandangkan MPSP sebelum ini telahpun menganjurkan tiga siri dialog pada bulan Januari 2013 serta 30 April 2015 dan 15 Jun lalu.

Pun begitu, jelasnya, MPSP secara pentadbiran akan tetap menganjurkan suatu program jelajah, khusus untuk menjayakan program pemutihan kilang-kilang haram berkenaan mulai bulan September depan.

Tambah beliau, para pemilik premis perniagaan dan sekumpulan arkitek yang berdaftar dengan MPSP turut akan dijemput menyertai program jelajah tersebut, demi membantu menyelesaikan masalah berbangkit tersebut.

"Ini adalah cara proaktif untuk menyelesaikan masalah dan juga merupakan cabaran bagi pihak MPSP itu sendiri untuk industri yang tiada kelulusan majlis," ujarnya.

Dalam perkembangan berasingan, Maimunah turut menjelaskan bahawa sebuah kuari di Kubang Hulu tidak lagi beroperasi, selepas pemiliknya diberikan notis berhenti kerja pada tahun 2013, disebabkan tidak mematuhi syarat-syarat yang digariskan oleh PBT.

Menurutnya, langkah penguatkuasaan bersepadu itu turut membabitkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

# Rumah terbuka MBPP rai golongan istimewa

**DIKONGSI BERSAMA...** Sambutan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) begitu bermakna apabila kemeriahannya turut dikongsi bersama-sama beberapa pertubuhan amal di sini baru-baru ini.

Antaranya, Rumah Orang Tua Jubli Perak, *Little Sister of The Poor,* Rumah Orang Tua Uzur Pulau Pinang, Ramakrishna Ashrama, Wisma Yatim Wanita dan Wisma Yatim Perempuan.


PARA kakitangan MBPP beramah-mesra dengan para jemputan khas.

Selain dijamu dengan kepelbagaian hidangan, kira-kira 60 jemputan khas berkaitan turut menerima 'buah tangan' istimewa yang disumbangkan oleh Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Majlis yang menampilkan persembahan khas kugiran MBPP turut diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri.

Hadir sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Majlis MBPP serta MPSP.


PATAHIYAH Ismail (tengah) menghidangkan sajian kuih raya kepada Dr. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) sambil diperhatikan isteri pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri MBPP di sini baru-baru ini.

## Larian Sihat Basmi Arak Murah sasar 8,000 peserta



(Dari kiri), A. Tiagarajen, M. Satees, P. David Marshel, Maimunah Mohd. Sharif, Loh Joo Huat, Sr. Rozali Mohamud dan Zulkifli Ibrahim pada sidang media mempromosi Larian Sihat Membasmi Arak Murah di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Larian Sihat Basmi Arak Murah pada 11 Oktober depan yang bermula dari Padang Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini mensasarkan 8,000 penyertaan, termasuk pelajar-pelajar sekolah.

Ahli Majlis MPSP, P. David Marshel memberitahu, acara tersebut dianjurkan oleh Gerakan Anti-Arak Murah Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan MPSP.

"Setakat ini, sebanyak 18,000 tandatangan telah berjaya dikumpulkan, dan kita berharap program (seumpama) Larian Sihat Basmi Arak Murah ini boleh menyumbang ke arah sasaran 100,000 tandatangan bantah penjualan arak murah pada penghujung tahun ini," jelasnya bersama-sama seorang lagi Ahli Majlis, M. Satees kepada wartawan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Turut serta dalam majlis berkaitan, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Majlis, Sr. Rozali Mohamud dan beberapa Ahli Majlis lain, A. Tiagarajen, Loh Joo Huat serta Zulkifli Ibrahim.

Menurut David Marshel, acara tersebut adalah ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang mengubal undang-undang baru untuk mengawal arak murah.

Difahamkan, larian ria sejauh 4.5 kilometer itu bakal bermula dari Padang Bandaran MPSP dekat Butterworth melalui Jalan Kampung Bengali, Jalan Telaga Air, Jalan Raja Uda, Jalan Kampung Paya, Jalan Kampung Gajah, Jalan Bagan Luar dan kembali ke garisan permulaan.

Yuran RM15 untuk kategori kanak-kanak berusia enam tahun ke atas, manakala RM25 untuk kategori dewasa serta pelajar sekolah yang berusia 13 tahun dan ke atas.

"Ini bukan acara perlumbaan, tetapi ini adalah larian ria, maka mereka yang menyertai larian ria ini akan diberi sijil penyertaan, beg kitar semula dan hadiah-hadiah tajaan yang lain," jelas wakil penganjur, WC Event Organiser Sdn. Bhd..

Pendaftaran secara *offline* boleh dibuat di semua Kaunter Utama MPSP atau di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy atau hubungi wakil penganjur di talian 012 – 447 2042/011 – 242 15661/04 – 548 9875.

Pendaftaraan secara *online* boleh dibuat di laman web, *www.wceevents.com.my* dan tarikh tutup adalah pada 15 September 2015.

## Kompleks Sukan Bandaraya Relau dalam proses

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**


AR. Yew Tung Seang ketika meninjau pelaksanaan kerja-kerja pembinaan Kompleks Sukan Bandaraya di Relau di sini baru-baru ini.

**PAYA TERUBONG –** Pengarah Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang berharap Kompleks Sukan Bandaraya di Relau yang kini dalam proses pembinaan mampu memenuhi kriteria bangunan hijau ditetapkan dan seterusnya memperoleh penarafan Index Bangunan Hijau (GBI).

Katanya, MBPP menyasarkan kompleks sukan baharu yang dibangunkan di kawasan pembangunan seluas 2.17 ekar dengan kos RM21.4 juta yang bakal disiapkan dalam tempoh 20 bulan tersebut mampu memperoleh penarafan GBI bertaraf Perak.

"Selain menggunakan panel solar, kriteria penarafan GBI adalah meliputi aspek pengurusan, reka bentuk bangunan, penggunaan bahan, penjimatan tenaga dan cat yang digunakan," jelasnya kepada Buletin Mutiara ketika mengadakan sesi lawatan khas ke tapak projek berkaitan di sini baru-baru ini.

Tinjauan wakil Buletin Mutiara yang turut serta dalam lawatan berkaitan mendapati bahawa proses pembinaan adalah berjalan dengan lancar dan telah memasuki peringkat meratakan tanah dan penanaman cerucuk bangunan.

Pada 16 April lalu, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain telah menyempurnakan upacara pecah tanah berhubung pembinaan kompleks sukan yang bakal menempatkan kepelbagaian kemudahan sukan untuk rakyat negeri ini.

Antaranya, sebuah kolam renang bersaiz olimpik, kolam terjun (1), gelanggang badminton (10), kafeteria, *'pro shop'*, bilik gymnasium, kawasan parkir dan lain-lain.

Menurut Guan Eng, dengan adanya kompleks sukan bertaraf antarabangsa tersebut, ianya diharap dapat membantu Pulau Pinang melahirkan lebih ramai atlet-atlet berkaliber dalam mewarnai kancah sukan tempatan dan antarabangsa.

# Isu loji kumbahan Bkt. Panchor perlu selesai segera

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADUN**

**JAWI –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi yakin bahawa cadangan penyelesaian dikemukakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kepada Indah Water Konsortium (IWK) supaya menyelesaikan masalah loji-loji kumbahan yang tidak berfungsi secara jangka panjang dan bukannya bersifat sementara mampu mengatasi masalah pencemaran bau yang dihadapi penduduk sekitar kawasan perindustrian Bukit Panchor di sini.

Mengulas lanjut, ADUNnya, Soon Lip Chee menyatakan bahawa beliau dan JPS sebelum ini telah menulis secara rasmi kepada IWK untuk mempertimbangkan penyelenggaraan penuh loji berkenaan berserta cadangan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

"Ini kerana, sejak 16 minggu lalu, penduduk di sini terpaksa berdepan dengan masalah loji kumbahan yang tidak berfungsi sehingga menimbulkan rasa kurang senang.

"Difahamkan, salah sebuah loji dari dua (loji) yang ada di sini sedang dalam proses pembaikan sejak tiga bulan lalu, manakala satu lagi (loji) akan diselenggara dalam tempoh terdekat dan akan selesai hujung tahun ini," katanya pada sesi tinjauan ke loji kumbahan di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), H'ng Mooi Lye dan Loh Joo Huat serta pegawai-pegawai dari JPS, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan IWK.

Menurut Lip Chee, masalah sama turut berlaku sekitar tahun 2013, walau bagaimanapun, masalah loji kumbahan yang melimpah pada masa itu berjaya diatasi.



**ALIRAN air dari loji kumbahan disalurkan ke dalam parit milik JPS yang bersambung dengan Sungai Kerian di sini.**



**SOON Lip Chee (tiga dari kanan) menunjukkan sampel air yang diambil berdekatan saliran loji kumbahan di kawasan perindustrian Bukit Panchor pada sesi lawatan beliau ke lokasi berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Air dari loji kumbahan disalurkan ke dalam parit milik JPS yang bersambung dengan Sungai Kerian bagi mengelakkan limpahan sehingga dikhuatiri menjadi penyebab kematian ikan-ikan, sekali gus menjejaskan hasil tangkapan nelayan di sini.

"Saya tidak mahu perkara ini berterusan dan menggesa supaya IWK dapat bertindak segera mencari penyelesaian kekal," tegas beliau.

Selain itu, Lip Chee turut meminta JAS melaksanakan pengambilan *'sampling'* air di kawasan tersebut secara berjadual bagi mengenalpasti punca pencemaran di Sungai Kerian dan kawasan sekitarnya.

"Masalah sebegini bukan sahaja akan menimbulkan rungutan daripada penduduk, tetapi turut mendatangkan bau yang tidak menyenangkan dan meloyakan.

"Oleh itu, saya tegaskan sekali lagi, IWK perlu mencari penyelesaian segera untuk jangka masa panjang demi kesejahteraan semua pihak.

"Saya juga akan bawa perkara ini untuk dibahaskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) akan datang bagi memastikan isu loji kumbahan yang berlarutan ini dapat diselesaikan," ujar beliau.



**YEOH Soon Hin (dua dari kiri), Syerleena Abdul Rashid (dua dari kanan) dan Tan Hooi Peng (kanan sekali) menunjukkan tapak alat permainan dan senaman yang hilang di Taman Rekreasi Taman Beriksa di sini baru-baru ini.**

# Cadang pasang CCTV cegah vandalisme, jenayah

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PAYA TERUBONG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin berharap cadangan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di beberapa lokasi strategik sekitar Taman Rekreasi Taman Beriksa mampu dilaksanakan bagi mengatasi kegiatan vandalisme dan jenayah di sini.

Katanya, langkah itu adalah wajar yang secara tidak langsung akan membuktikan bahawa Kerajaan Negeri serius dalam mengatasi 'permasalahan' yang umumnya membawa banyak kerugian.

"Dengan adanya sistem pengawasan 24 jam, sebarang salah laku sama ada jenayah mahupun vandalisme akan dikesan serta-merta dan pesalah yang ditangkap boleh disabitkan dengan kesalahan merosakkan harta benda awam ataupun mencuri.

"Saya yakin, pemantauan berterusan dan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan MBPP apabila pemasangan CCTV siap kelak mampu mengatasi kegiatan vandalisme dan juga membendung kejadian jenayah di kawasan riadah di sini," katanya yang turut memohon agar penduduk di Taman Beriksa memberikan kerjasama dalam mencegah kegiatan-kegiatan tidak sihat berkenaan di sini.

Soon Hin berkata demikian ekoran kejadian terkini yang mana tiga unit alat permainan dan senaman di lokasi berkaitan dilaporkan hilang, manakala beberapa kemudahan awam seperti tong sampah dan kerusi turut rosak akibat perbuatan vandalisme.

Turut hadir, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan Tan Hooi Peng yang bertindak membuat laporan polis berhubung kejadian berkaitan.



# KN tidak abai rakyat atas dasar perkauman & latar belakang

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**KEPALA BATAS** – Hampir 1,000 keluarga di kawasan Parlimen Kepala Batas dan Parlimen Tasek Gelugor menerima sumbangan Aidilfitri daripada Kerajaan Negeri bersempena sambutan perayaan berkaitan di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan Setiausaha Politik Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Turut sama, Exco Kerja Raya, Utiliti & Pengangkutan, Lim Hock Seng, Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Zahar Zainul (Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri), Mohamad Shaipol Ismail (Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) serta dua Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid serta Chris Lee Chun Kit.

Zairil berkata, program tersebut secara tidak langsung menafikan dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mengabaikan rakyat di sini atas dasar perkauman.



ZAIRIL Khir Johari (kanan sekali) meramahi salah seorang penerima sumbangan bagi kawasan Parlimen Tasek Gelugor di Dewan Muhammad Haji Muhammad Taib.

"Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya kepada penduduk yang tinggal di sini (Parlimen Kepala Batas dan Parlimen Tasek Gelugor), sebaliknya banyak program-program sumbangan seperti bantuan warga emas, ibu emas dan anak emas turut dapat dinikmati semua rakyat di sini," ucapnya pada majlis penyampaian sumbangan Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.



WONG Hon Wai (kiri sekali) menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada salah seorang penerima terpilih di Dewan Pajak Song, Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hon Wai memberitahu bahawa sumbangan tersebut adalah bagi mengurangkan beban ditanggung para penerima di sini.

"Sumbangan ini bukan diberikan untuk mereka yang berkepentingan, sebaliknya, kepada mereka yang benar-benar memerlukan tanpa mengira latar belakang politik masing-masing," ujar beliau.

Pada majlis tersebut, setiap keluarga yang terpilih menerima bantuan makanan asas antaranya, sekampit beras, minyak masak dan makanan segera sebagai persiapan menyambut perayaan Aidilfitri.

# Pelajar cemerlang terima penghargaan

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**AIR ITAM** – Buat julung kalinya, seramai 54 pelajar cemerlang tahun satu hingga tahun enam Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Aman menerima anugerah kecemerlangan pada majlis anjuran khas Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam bersama-sama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan di sini baru-baru ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Wong Hon Wai, beliau bersyukur kerana setelah beberapa kali permohonan dihantar ke sekolah berkenaan sebelum ini berhubung penganjuran majlis berkaitan, akhirnya kata sepakat dicapai,

"Sebelum ini, kita sudah cuba beberapa kali untuk buat, namun ianya tidak terlaksana.

"Walaupun wang tunai yang disumbangkan tidak banyak, namun penghargaan yang diterima mampu menjadi galakkan kepada para pelajar untuk terus cemerlang," katanya pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar SK Sri Aman Sesi 2015 yang diadakan di Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini.



WONG Hon Wai (barisan belakang, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para pelajar, ahli jawatankuasa penganjur dan ibu bapa yang hadir pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar SK Sri Aman Sesi 2015 di sini baru-baru ini.

# Gelanggang jadi sarang penagih, ADUN gesa tindakan segera

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADUN**

**JAWI** – Penduduk Kampung Jawi baru-baru ini meluahkan kebimbangan apabila sebuah gelanggang berbumbung bola keranjang di sini dipercayai dijadikan sarang penagihan dadah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, keadaan sedemikian telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk tempatan yang menganggap situasi berkaitan sebagai ancaman terutamanya kepada anak-anak muda di sini.



SOON Lip Chee (tiga dari kiri) bersama-sama H'ng Mooi Lye (kanan sekali) dan ahli-ahli JKKK Jawi menunjukkan peralatan-peralatan dipercayai digunakan oleh para penagih dadah yang ditemui di gelanggang tertutup bola keranjang Kampung Jawi di sini baru-baru ini.

"Penduduk di sini sudah tidak tahan lagi, makin hari makin ramai penagih melepas gian. Ada dalam kalangan penagih menjadikan gelanggang tertutup ini sebagai tempat tinggal, tidur dan buang air merata-rata.

"Mereka (penagih) ini bersikap agresif dan ada yang bertindak melampau apabila ditegur. Sepatutnya gelanggang ini digunakan masyarakat setempat untuk beriadah dan bukannya sebagai sarang penagihan," tegasnya ketika mengadakan tinjauan ke lokasi berkenaan di sini baru-baru ini.



JARUM-jarum yang ditemui.

Turut sama, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), H'ng Mooi Lye dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jawi, Chong Swee Peng serta beberapa ahli JKKK Jawi.

Dalam pada itu, Lip Chee memberitahu bahawa pihaknya telah mengutarakan permasalahan tersebut kepada Ketua Polis Negeri dan meminta MPSP mengkaji langkah-langkah yang boleh diambil untuk membendung kejadian berkaitan.

"Saya ingin menggesa pihak polis supaya memberi kerjasama supaya mengadakan rondaan dan tangkapan. Pada masa sama, juga bekerjasama dengan MPSP dan JKKK bagi membendung permasalahan ini.

"Saya harap masalah ini dapat ditangani segera kerana ia boleh merosakkan keharmonian dan kesejahteraan penduduk di sini," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Mooi Lye memberitahu bahawa penagih-penagih berkaitan dipercayai bukan sahaja menjadikan gelanggang tersebut seperti tempat tinggal mereka, malah juga menimbulkan isu keselamatan serta kebersihan kawasan sekitar.

"Mereka (penagih) membuang alat suntikan dan botol-botol arak di merata-rata sekitar gelanggang ini. Secara tidak langsung, tindakan ini boleh mengundang 'bahaya' sekiranya kanak-kanak yang datang bermain di sini bertindak memungut alat-alat suntikan itu dan bermain dengan ia," jelasnya.

Malah, beliau juga difahamkan bahawa ahli-ahli JKKK Jawi juga pernah beberapa kali bertindak 'menghalau' penagih-penagih dadah berkaitan, namun mereka enggan memberi kerjasama dan memberontak.

# Pertama di MALAYSIA

## Rakyat Pulau Pinang menikmati dividen kerajaan baik

*One-Off:*

Pertama di Malaysia

DAFTARLAH SEKARANG! di pejabat ADUN ANDA!

**RM1,000** Urusan Jenazah

**RM1,000** IPTA

**RM200** Bayi dilahirkan di Pulau Pinang

Pelajar (Tahun 1 & 4, Tingkatan 1 & 4)

**RM100 / tahunan :** Warga Emas, Ibu Tunggal, OKU, Suri Rumah

**RM100 sebulan** Penarik Beca

**RM600 tahunan :** Pemandu Teksi (TEKSI)

Sumbangan pukat 2 kali setahun: Nelayan

*Tertakluk pada syarat

## Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat

# KALENDAR SUKAN MASSA 2015 (Julai - Sept.)

### JULAI

26 Julai : "Bone to Run 2015 Charity Fun Run"
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Straits Quay Tanjung Tokong Penang
Penganjur : Mount Miriam Cancer Hospital Penang
Telefon : 04-8923873 / 012-4802235 (En. Keith Tan)
Email : keith@mountmiriam.com

### OGOS

9 Ogos : Kwong Wah Yit Poh Penang Hill Climb
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Kwong Wah Yit Poh
Telefon : 04-2612312 / 012-4052934 (Koma Leong)
Email : komaleong@yahoo.com

16 Ogos : MPSP Tower Run
Masa : 7.00 pagi
Tempat : MPSP Bandar Perda,
Penganjur : LA Vintage Events
Telefon : 012-4401398 (Shaun Ng)
Email : info@mpsptowerrun.com.my

16 Ogos : Tanjung 10KM Run
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Padang Polo
Penganjur : PAAA
Telefon : 016-4628260 (Govindasamy)
Email : govind0101@hotmail.com

23 Ogos : FMM Penang Futsal Carnival 2015
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Seberang Jaya
Penganjur : Federation of Malaysian Manufacturers
Telefon : 04-3992057 / 019-4111229 (Dato' Dr. Ooi Eng Hock)
Email : fmmpenang@fmm.org.my

29-30 Ogos : 100KM Ultra Marathon
Masa : 10.00 malam
Tempat : SJKC Kampung Sungai Lembu
Penganjur : JKKK Sungai Lembu & Endurance Nature
Telefon : 013-32776289 (Ng Seow Kong)

30 Ogos : Delta Eco Night Run 2015
Masa : 6.00 petang
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Delta Business Solutions
Telefon : 012-4880800 (Choo Eng Hin)
Email : ceh@deltaonline.com.my

### SEPTEMBER

6 Sep. : Penang Peace Run
Masa : 7.30 pagi
Tempat : Taman Perbandaran Belia
Penganjur : Service Civil International (SCI)
Telefon : 012-4921442 (Ravichandar)
Email : ravi.eda4all@gmail.com

18 & 19 Sep. : GSN 3V3 Floorball Tournament
Masa : 8.00 pagi - 6.00 petang
Tempat : Balai Rakyat Pasar Awam, Balik Pulau
Penganjur : Gateway Sports Network & Persatuan Floorball P. Pinang
Telefon : 016-2887809 (Christopher Koh)
Email : topher.koh@gmail.com

20 Sep. : Guang Ming Bukit Jambul Hikathon
Masa : 7.00 pagi
Tempat : Kawasan Mendaki Bukit Jambul
Penganjur : Kelab Pendaki Bukit Jambul
Telefon : 016-4042099 (Lim Beng Chuan)
Email : limbengchuan@yahoo.com

26 - 27 Sep. : Penang Ultra 100KM Run
Masa : 5.30 pagi
Tempat : Padang Kota Lama
Penganjur : E-Youth Association
Telefon : 012-4281805 (Andrew Loh)
Email : andrewllh@hotmail.com / meiyeap@gmail.com